



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

VERSI DALAM TALIAN TEKS  
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

---

## Akta 139

## AKTA KILANG DAN JENTERA 1967

*Sebagaimana pada 1 Ogos 2016*

*Teks ini HANYA TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi Factories and Machinery Act 1967. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sah di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.*

## AKTA KILANG DAN JENTERA 1967

|                                                                       |        |                                    |
|-----------------------------------------------------------------------|--------|------------------------------------|
| Pertama kali diperbuat                                                | ... .. | 1967 (Akta No. 64 tahun 1967)      |
| Disemak                                                               | ... .. | 1974 (Akta 139 m.b.p 1 Julai 1974) |
| Teks bahasa Inggeris sah                                              | ... .. | P.U. 31/1968                       |
| Kali terakhir dipinda melalui Akta A1268 yang mula berkuat kuasa pada | ... .. | 1 Januari 2007                     |

*CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU*

*Cetakan Pertama ... .. 1997*

*Cetakan Kedua ... .. 2000*

*Cetakan Ketiga ... .. 2006*

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 139

### AKTA KILANG DAN JENTERA

---

#### SUSUNAN SEKSYEN

---

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

##### Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran “kilang”
3. Tafsiran: am
4. Pelantikan pegawai
5. Pengawasan pegawai
6. Pegawai ialah pekhidmat awam
7. Kuasa seseorang Pemeriksa
- 7<sub>A</sub>. Memasuki premis dengan waran geledah dan kuasa menyita
- 7<sub>B</sub>. Memasuki premis tanpa waran geledah dan kuasa menyita
- 7<sub>C</sub>. Penyampaian senarai barang yang disita
- 7<sub>D</sub>. Pelantikan, kuasa dan kewajipan orang berlesen
- 7<sub>E</sub>. Pembatalan lesen
- 7<sub>F</sub>. Pemberian lesen baru apabila pembatalan
8. Halangan suatu kesalahan
9. Kerahsiaan maklumat

#### BAHAGIAN II

#### KESELAMATAN, KESIHATAN DAN KEBAJIKAN

10. Peruntukan yang berhubungan dengan keselamatan, dsb.

## Seksyen

11. Orang yang terdedah kepada bahan letupan, mudah terbakar, dsb.
12. Mengangkat benda berat
13. Persediaan terhadap kebakaran
14. Pembinaan jentera
15. Bahagian jentera yang berbahaya
16. Bahan yang mengunjur
17. Jentera untuk disewa atau dijual mestilah mematuhi peraturan-peraturan
18. Jentera yang dibuat atau dibaiki mestilah mematuhi peraturan-peraturan
19. Perakuan kelayakan
- 19A. Kuasa untuk membatalkan perakuan kelayakan yang diperolehi dengan cara fraud atau salah nyataan
20. Kewajipan orang yang diambil kerja
21. Kewajipan penghuni
22. Peruntukan yang berhubungan dengan kesihatan
23. Pendedahan kepada unsur
24. Pakaian dan alat perlindungan diri
25. Peruntukan yang berhubungan dengan kebajikan

## BAHAGIAN III

ORANG YANG MENJAGA DAN PERAKUAN  
KEKOMPETENAN

26. Latihan dan pengawasan pekerja yang tidak berpengalaman
27. Ketua Pemeriksa boleh membuat perintah dalam hal keadaan tertentu
28. Orang muda
29. Jentera tertentu tidak boleh dikendalikan tanpa kakitangan yang diperakukan
- 29A. Jentera tidak boleh dibuat, dsb., tanpa kuasa bertulis
30. Panel Pemeriksa dan Lembaga Rayuan

BAHAGIAN IV

PEMBERITAHUAN KEMALANGAN, KEJADIAN  
BERBAHAYA DAN PENYAKIT BERBAHAYA

Seksyen

31. Kemalangan dan kejadian berbahaya hendaklah dilaporkan
32. Pemberitahuan penyakit pekerjaan
33. Penyiasatan dan siasatan

BAHAGIAN V

NOTIS MENDUDUKI KILANG, DAN PENDAFTARAN  
DAN PENGGUNAAN JENTERA

34. Pengendalian kilang
35. Pengendalian bangunan atau kerja binaan kejuruteraan
36. Pemasangan jentera, dsb.
37. Permohonan untuk pendaftaran
38. Daftar
39. Perpindahan atau pengubahan atau penambahan kepada jentera hendaklah diluluskan
40. Pemeriksaan berkala
41. Soalan untuk diputuskan oleh seseorang Pemeriksa dan rayuan daripada keputusan itu
42. Laporan tentang pertukaran, dsb.
43. Jentera atau kilang yang tidak lagi digunakan
44. Notis penjualan, penyewaan atau pindah hak milik
45. Salinan laporan siasatan boleh dibekalkan
46. Kuasa Ketua Pemeriksa dan Pemeriksa Kanan semasa siasatan

BAHAGIAN VI

AM

47. Liabiliti jenayah atau sivil tidak tersentuh
- 47A. Perlindungan terhadap liabiliti diri

## Seksyen

- 48. Fi
- 49. Kuasa Ketua Pemeriksa
- 50. Kesalahan
- 51. Penalti
- 51A. Bidang kuasa membicarakan kesalahan
- 52. Permulaan pendakwaan
- 52A. Kuasa untuk mengkompaun kesalahan
- 53. Kuasa untuk mengubah suai perjanjian
- 54. Kuasa untuk mengumpukkan perbelanjaan
- 55. Pengecualian
- 56. Peraturan-peraturan
- 57. Pengawasan perubatan
- 58. Pemansuhan
- 59. Pindaan Jadual

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 139

#### AKTA KILANG DAN JENTERA 1967

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalan kilang berkenaan dengan perkara yang berhubungan dengan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang di dalamnya, pendaftaran dan pemeriksaan jentera dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

[1 Februari 1970; P.U. (B) 5/1970]

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

#### Tajuk ringkas

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kilang dan Jentera 1967.

(2) (*Ditinggalkan*).

(3) Menteri boleh dengan perintah \*mengantung kuat kuasa kesemua atau mana-mana peruntukan Akta ini dalam mana-mana Negeri dan boleh pada bila-bila masa kemudiannya membatalkan penggantungan itu.

#### Takrif “kilang”

2. (1) Dalam Akta ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, “kilang” ertinya mana-mana premis atau sebahagian daripada premis yang—

---

\*CATATAN—Kuat kuasa Akta di Sabah dan Sarawak digantung—lihat [P.U. (B) 6/1970]. Penggantungan dibatalkan berkenaan dengan Sabah dan Sarawak m.b.p. 1 Julai 1980—lihat [P.U. (B) 321/1980].

- (a) di dalam lingkungan atau halaman atau pekarangan premis atau sebahagian daripada premis itu orang diambil kerja dalam kerja kasar dalam apa-apa proses bagi atau berkaitan dengan atau bersampingan dengan membuat, mengubah, memperbaiki, menghias, mengisih, mengemaskan, membersihkan, membasuh, memecahkan, meruntuhkan, membina, membina semula, memasang, memasang semula, menyelaraskan atau menyesuaikan apa-apa benda atau sebahagian daripadanya; dan
- (b) kerja tersebut dijalankan dengan cara perdagangan bagi maksud mendapat laba atau yang bersampingan dengan apa-apa urusan yang dijalankan sedemikian,

dan (sama ada atau tidak ia merupakan kilang oleh sebab takrif yang terdahulu itu) ungkapan kilang juga termasuk premis yang berikut yang di dalamnya orang diambil kerja dalam kerja kasar:

- (i) mana-mana limbungan atau dok kering (termasuk pekarangannya) yang di dalamnya kapal atau vesel dibina, dibina semula, dibaiki, dipasang semula, dikemaskan atau diruntuhkan;
- (ii) mana-mana premis yang di dalamnya urusan membasuh atau mengisi botol atau bekas atau membungkus benda dijalankan secara bersampingan dengan maksud mana-mana kilang;
- (iii) mana-mana premis yang di dalamnya urusan mencangkuk, memintal, melipat, menghias atau membungkus yan atau kain dijalankan;
- (iv) mana-mana tempat mendobi yang dijalankan sebagai tambahan kepada urusan lain atau yang bersampingan dengan maksud mana-mana institusi awam;
- (v) mana-mana premis yang di dalamnya pembinaan, pembinaan semula atau pembaikan lokomotif,

kenderaan atau loji lain untuk digunakan bagi maksud pengangkutan dijalankan bersampingan dengan suatu perusahaan pengangkutan atau perusahaan perindustrian atau komersial lain;

- (vi) mana-mana premis yang di dalamnya pencetakan dengan cetak timbul, litograf, fotoukiran, atau proses serupa lain atau penjilidan buku dijalankan secara perdagangan atau bagi maksud mendapat laba atau yang bersampingan dengan urusan lain yang dijalankan;
- (vii) mana-mana premis yang di dalamnya pengeluaran filem sinematograf dijalankan secara perdagangan atau bagi maksud mendapat laba;
- (viii) mana-mana premis yang di dalamnya buruh kasar diambil kerja dan kuasa mekanik digunakan berkaitan dengan pembuatan atau pembaikan apa-apa benda logam atau kayu yang bersampingan dengan apa-apa urusan yang dijalankan secara perdagangan atau bagi maksud mendapat laba;
- (ix) mana-mana premis yang digunakan untuk menyimpan gas dalam suatu bekas gas yang mempunyai keupayaan menyimpan tidak kurang daripada satu ratus empat puluh meter padu;
- (x) mana-mana premis, tempat atau ruang yang apa-apa pengendalian bangunan atau kerja binaan kejuruteraan dijalankan; dan
- (xi) mana-mana premis yang dipunyai atau diduduki oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa awam lain yang sepatutnya menjadi suatu kilang mengikut pengertian Akta ini jika tidak kerana perenggan (b),

tetapi tidak termasuk—

- (i) mana-mana premis yang digunakan bagi maksud menyimpan lokomotif atau kenderaan jika hanya pencucian, pembasuhan, pembaikan atau penyelarasan kecil dijalankan; atau
- (ii) mana-mana premis yang lima orang atau kurang menjalankan apa-apa kerja yang di dalamnya jentera tidak digunakan walaupun premis itu, oleh sebab kerja itu sepatutnya menjadi suatu kilang mengikut pengertian seksyen ini.

(2) Mana-mana landasan atau sisian yang digunakan berkaitan dengan dan bagi maksud sesuatu kilang, hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada kilang itu.

(3) Mana-mana talian paip yang digunakan untuk mengangkut bahan berbahaya yang boleh menyebabkan kebakaran, letupan atau kesan buruk terhadap kesihatan kepada mana-mana orang (selain petroleum atau keluaran petroleum) yang digunakan berkaitan dengan dan bagi maksud sesuatu kilang, hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada kilang itu.

(4) Bagi maksud subseksyen (3), ‘talian paip’ ertinya kemudahan fizikal atau mana-mana bahagian kemudahan fizikal yang melaluinya bahan berbahaya yang boleh menyebabkan kebakaran, letupan atau kesan buruk terhadap kesihatan kepada mana-mana orang (selain petroleum atau keluaran petroleum) dalam bentuk cecair atau wap atau apa-apa gabungan cecair atau wap yang diangkut, dan termasuklah paip, pam, pemampat, meter, pengatur dan pemasangan terbikin.

**Tafsiran: am**

3. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bejana tekanan berapi” ertinya suatu bejana tertutup di bawah tekanan yang lebih kuat daripada tekanan atmosfera yang tertakluk

kepada pembakaran terus, tetapi tidak termasuk dandang stim;

“bejana tekanan tidak berapi” ertinya mana-mana bejana tertutup di bawah tekanan yang lebih kuat daripada tekanan atmosfera oleh apa-apa gas atau campuran atau gabungan gas dan termasuklah mana-mana bejana di bawah tekanan stim di luar dandang stim dan mana-mana bejana yang di bawah tekanan cecair atau gas atau kedua-duanya, dan mana-mana bejana yang secara dalamannya tertakluk kepada suatu tekanan yang kurang daripada tekanan atmosfera tetapi tidak termasuk silinder gas;

“bekas gas” ertinya apa-apa struktur berbentuk loceng yang terapung di dalam tangki berisi air, yang di dalamnya gas dikumpulkan untuk pengedaran;

“benda” ertinya apa-apa pepejal, cecair atau gas atau apa-apa gabungannya dan termasuklah juga tenaga elektrik;

“bilik bawah tanah” ertinya apa-apa bilik yang, atau mana-mana bahagiannya yang letaknya sekurang-kurangnya setengah daripada ukuran tingginya yang diukur dari lantai ke siling, adalah di bawah permukaan tanah yang bersebelahan dengan bilik itu;

“dandang stim” ertinya apa-apa bejana tertutup yang bagi apa-apa maksud stim dijanakan di bawah tekanan yang lebih tinggi daripada tekanan atmosfera, dan termasuk mana-mana penjimat yang digunakan untuk memanaskan air yang disalurkan kepada bejana itu, dan mana-mana pemanas lampau yang digunakan untuk memanaskan stim, dan mana-mana paip dan pemasangan yang bersambung dengannya;

“ditetapkan” ertinya yang ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“drebar” ertinya seseorang yang memegang suatu perakuan kekompetenan drebar enjin yang dikeluarkan di bawah seksyen 30;

“jentera” termasuklah dandang stim, bejana tekanan tidak berapi, bejana tekanan berapi, talian paip, penggerak utama, silinder gas,

bekas gas, mesin angkat dan takal, jentera penghantaran, jentera dipacu, kelengkapan pengendalian bahan, peranti hiburan atau apa-apa jentera lain yang serupa dan apa-apa kelengkapan untuk menuang, memotong, mengimpal atau mengelektroenapan bahan dan untuk menyembur dengan cara tekanan gas atau udara bahan atau bahan lain, tetapi tidaklah termasuk—

- (a) apa-apa jentera yang digunakan bagi menggerakkan kenderaan selain dandang stim atau enjin stim;
- (b) apa-apa jentera yang dijalankan dengan tenaga manusia selain mesin angkat;
- (c) apa-apa jentera yang digunakan semata-mata bagi maksud persendirian dan domestik; atau
- (d) mesin pejabat;

“jentera dipacu” termasuklah apa-apa mesin atau alat yang gerakannya diperoleh daripada jentera penghantaran;

“jentera penghantaran” ertinya tiap-tiap aci, roda, gelendong, kapi, sistem kapi dipasang mati dan boleh ditanggalkan, gandingan, cekam, tali pemacu atau peranti lain yang dengannya gerakan sesuatu penggerak utama atau sumber kuasa mekanik lain dipindahkan kepada atau diterima oleh mana-mana mesin atau alat;

“jurutera” ertinya seseorang yang memegang suatu perakuan kekompetenan jurutera yang dikeluarkan di bawah seksyen 30;

“kacau-ganggu” ertinya apa-apa perbuatan, peninggalan atau perkara yang menyebabkan atau mungkin menyebabkan kecederaan, kekusaran, kesalahan, kecelakaan, bahaya atau kerosakan terhadap deria lihat, bau atau dengar, yang mencederakan atau yang mungkin mencederakan atau membahayakan kesihatan atau harta;

“kapal korek” ertinya suatu struktur terapung yang digunakan untuk memperoleh bijih timah, untuk mengorek sungai dan jalan air atau

bagi maksud penebusan tanah, dan termasuklah kapal korek jenis sauk dan kapal korek jenis pemotong penyedut;

“kecederaan badan” termasuklah kecederaan kepada kesihatan;

“kecederaan badan yang teruk” ertinya mana-mana kecederaan yang disenaraikan dalam Jadual Kedua;

“kejadian berbahaya” ertinya apa-apa kejadian dalam mana-mana kelas yang disenaraikan dalam Jadual Pertama;

“kelengkapan pengendalian bahan” ertinya apa-apa kelengkapan kuasa terpacu bagi mengendalikan bahan, dan termasuklah forklift, konveyor, penindan, pengorek, traktor, pembuang atau jentolak tetapi tidak termasuk mesin angkat;

“keluaran petroleum” ertinya bahan yang berasal daripada petroleum, gas asli atau mendapan asphalt, dan termasuklah gasolin, kerosin, bahan api diesel, minyak bahan api, minyak pelincir, gas petroleum cecair, lilin, gris, butana, benzena, propana dan apa-apa seumpamanya cecair yang mudah bakar dan cecair bahan mudah terbakar;

“keluasan lantai kerja” ertinya kawasan yang diliputi oleh premis dan segala perkarangan, halaman dan laman kilang yang didapati daripada pelan atau pelan kasar yang dikemukakan pada masa pemberitahuan termasuk semua keluasan lantai di atas dan di bawah paras bumi:

Dengan syarat bahawa titian sampling, tangga dan apa-apa akses lain kepada jentera tidak boleh diambil kira apabila menghitung keluasan lantai kerja;

“kemudahan kebersihan” termasuklah tempat membuang air kecil, tandas pam, tandas tanah, tandas jenis lubang kapur dan kemudahan yang seumpamanya;

“kerja binaan kejuruteraan” ertinya pembinaan, peluasan, pemasangan, pembaikan, penyenggaraan, pembaharuan, pembuangan, pengubahsuaian, pengubahan, penanggalan, atau

perobohan—

- (a) apa-apa pembinaan, bangunan besar, struktur, kaisan, tiang, menara, pilon, dinding, pagar atau serombong, sama ada yang dibina secara keseluruhannya atau sebahagiannya di atas atau di bawah aras tanah;
- (b) apa-apa kerja pembinaan jalan, dok, kerja pelabuhan, landasan, sisian, jalan kabel, landasan trem, pengemudi pedalaman, padang terbang atau lapangan terbang kecil;
- (c) apa-apa sistem saliran, pembentungan, kerja kumbahan, pengairan, kerja pengawalan sungai, kerja membenteng laut atau binaan mengekalkan tanah;
- (d) apa-apa kerja elektrik, mekanikal, air, gas, petrokimia atau telekomunikasi; atau
- (e) apa-apa jambatan, jejambat, empangan, takungan, lagun, kerja tanah, talian paip, betung, akueduk, haluan, syaf, terowong atau kerja penebusgunaan,

dan termasuklah—

- (aa) apa-apa acuan, penyangga sementara, perancah atau apa-apa kerja yang merupakan yang perlu bagi, atau persediaan kepada atau sementara kepada, kerja yang dinyatakan dalam perenggan (a) hingga (e);
- (bb) pembersihan tapak, pemeriksaan dan penambahbaikan tanah, pemindahan tanah, penggalian, penyediaan asas, pemulihan tapak dan pelandskapan; dan
- (cc) apa-apa kerja lain yang boleh ditentukan oleh Menteri.

“ketua kapal korek” ertinya seseorang yang memegang suatu perakuan kekompetenan ketua kapal korek yang dikeluarkan di bawah seksyen 30;

“Ketua Pemeriksa”, “Timbalan Ketua Pemeriksa”, “Pemeriksa Kanan” dan “Pemeriksa” masing-masing ertinya Ketua Pemeriksa Kilang dan Jentera, Timbalan Ketua Pemeriksa Kilang dan Jentera, Pemeriksa Kanan Kilang dan Jentera dan Pemeriksa Kilang dan Jentera yang dilantik di bawah seksyen 4;

“lif” ertinya suatu alat yang direka bentuk untuk mengangkut penumpang atau barang atau kedua-duanya di antara dua paras atau lebih mengikut arah tegak dengan menggunakan lif kar atau pelantar yang bergandar yang dalamnya gerakan lif kar atau pelantar itu didapati melalui suatu motor elektrik yang dipasang pada alat mengangkat, dan termasuklah jentera, tali gantung, penghentak hidro, topang dan lengkungan yang dikehendaki yang berkaitan dengannya, dan termasuklah lif elektrik atau hidraulik dan lif paternoster atau lif selanjara, tetapi tidak termasuk sangkar lombong sebagaimana yang digunakan di lombong bawah tanah;

“menyenggara” ertinya menyenggara dalam keadaan cekap, boleh digunakan dengan cekap dan tidak rosak;

“mesin angkat” ertinya apa-apa kelengkapan untuk mengangkat, menaikkan atau menurunkan beban seperti lif, tangga gerak, pesawat angkat, kren, win, garis seret, mesin cerucuk, jalan kabel aerial, kereta api funikular, platform laluan, lif barang, pengangkat konveyar menegak dan tanjakan muatan mekanikal, dan termasuklah pengangkut, laluan gerak dan kelengkapan lain yang serupa, tetapi tidak termasuk pesawat angkat manual dan kelengkapan pengendalian bahan;

“mesin pejabat” ertinya mesin yang biasanya digunakan untuk menjalankan fungsi perkeranian dan fungsi yang berkaitan dengannya dan termasuklah mesin taip elektrik, mesin kira dan mesin akaun dan komputer;

“orang berlesen” ertinya mana-mana orang yang dilesenkan di bawah seksyen 7D Akta;

“orang muda” ertinya mana-mana orang yang belum genap umur enam belas tahun;

“pagar” ertinya apa-apa bentuk peranti pelindung yang direka bentuk untuk mencegah kecederaan badan yang teruk atau kecederaan badan kepada mana-mana orang dan termasuklah suatu pengadang dan suatu rel pengadang;

“Panel” ertinya Panel Pemeriksa yang dilantik di bawah seksyen 30;

“Pemeriksa” termasuklah Ketua Pemeriksa, Timbalan Ketua Pemeriksa dan Pemeriksa Kanan yang dilantik di bawah seksyen 4;

“pemunya” ertinya orang yang pada masa ini menerima sewa atau keuntungan daripada premis atau jentera yang berkaitan dengannya perkataan itu digunakan, sama ada bagi pihak dirinya sendiri atau sebagai ejen atau pemegang amanah bagi mana-mana orang lain atau orang yang patut menerima sewa atau keuntungan itu jika premis atau jentera dipajakan;

“pengendalian bangunan” ertinya pembinaan, pengubahan struktur, pembaikan atau penyenggaraan sesuatu bangunan (termasuk pengubah atur semula batu bata, menghias semula dan pembersihan luaran struktur), perobohan sesuatu bangunan, dan penyediaan bagi dan peletakan asas sesuatu bangunan yang dicadangkan tetapi tidak termasuk apa-apa pengendalian yang merupakan kerja binaan kejuruteraan mengikut pengertian Akta ini;

“penghuni”, berhubung dengan sesuatu kilang, ertinya seseorang yang menduduki atau menggunakan mana-mana premis sebagai kilang;

“pengadang” ertinya suatu lengkungan yang penuh atau seperti jaring (sama ada kesemua atau sebahagiannya) dibuat daripada logam

atau bahan-bahan lain yang ditopang sebahagian besarnya dan dibina dengan kukuh;

“pengendali” termasuklah mana-mana orang yang diambil kerja dalam apa-apa perkhidmatan yang melibatkan pengurusan atau pengendalian, atau penjagaan, apa-apa jentera;

“penggerak utama” ertinya tiap-tiap enjin, motor atau alat lain yang membekalkan tenaga mekanik yang diperolehi daripada udara, stim, air, angin, tenaga elektrik, pembakaran bahan api atau sumber lain;

“perakuan kekompetenan” ertinya suatu perakuan yang diberikan di bawah Akta ini oleh Ketua Pemeriksa yang memperakui bahawa pemegang itu berkelayakan dengan sewajarnya untuk menjaga jentera yang dimaksudkan oleh perakuan kekompetenan itu;

“perakuan kelayakan” ertinya suatu perakuan yang diberikan di bawah Akta ini yang memperakui bahawa jentera yang diperihalkan dalamnya itu telah diperiksa, dan pada masa pemeriksaan itu telah memenuhi kehendak Akta ini dan bahawa jentera itu boleh diguna atau dikendalikan;

“peranti hiburan” ertinya apa-apa peralatan atau gabungan peralatan, atau tunggangan, kelengkapan atau loji atau apa-apa peranti serupa yang direka atau yang bertujuan untuk meraikan atau menghiburkan orang dan yang boleh dipasang berulang kali tanpa kehilangan keteguhan, sama ada secara sementara atau tetap, di pesta, taman hiburan atau lokasi lain;

“pesawat angkat” ertinya suatu mesin pengangkat selain lif sama ada dijalankan dengan kuasa mekanik atau tidak dengan suatu pelantar pembawa, atau sangkar yang arah pergerakannya dihadkan oleh suatu atau beberapa gandar;

“pesta” ertinya suatu perusahaan yang tertumpu terutamanya kepada pameran keluaran pertanian atau perindustrian dan yang pada atau berkaitan dengannya peranti hiburan dan struktur sementara disediakan;

“petroleum” ertinya apa-apa minyak galian atau relatif hidrokarbon dan gas asli yang wujud dalam keadaan semula jadi dan spirit petroleum kepala selongsong, dan termasuklah—

- (a) syal bitumen dan mendapan berstrata lain yang daripadanya minyak boleh dikeluarkan; dan
- (b) keluaran petroleum;

“premis” termasuklah mana-mana bangunan, tempat, atau binaan terapung;

“rahsia pengeluaran atau perdagangan” ertinya maklumat yang sangat sensitif yang berhubungan dengan—

- (a) apa-apa proses pengeluaran ;
- (b) apa-apa keluaran, bahan mentah, perumusan keluaran sampingan;
- (c) apa-apa idea untuk penduaan atau pengklonan keluaran; atau
- (d) apa-apa maklumat teknikal mengenai sistem pengendalian,

dan bahawa maklumat itu telah diisytiharkan sebagai rahsia pengeluaran atau perdagangan secara bertulis oleh penghuni atau pemunya;

“rel pengadang” ertinya suatu rel logam atau kayu, ditopang dengan jerjak yang kuat yang dibina dengan baik;

“silinder gas” ertinya suatu silinder atau botol keluli yang digunakan untuk menyimpan dan mengangkut gas mampat, larut atau cair;

“skim khas pemeriksaan” ertinya sistem pemeriksaan yang diluluskan oleh Ketua Pemeriksa berkaitan dengan pemeriksaan berkala bagi kelas tertentu jentera dan jentera tambahannya;

“takal pengangkat” termasuklah suatu rantai atau anduh tali, gelang, penyambung, cangkuk, belenggu, swivel, bolt tindik, rantai, tali, blok kapi dan blok rantai;

“taman hiburan” ertinya padang atau kawasan yang digunakan pada amnya sebagai lokasi untuk peranti hiburan dan struktur;’

“wasap” termasuklah gas dan wap.

### **Pelantikan pegawai**

4. (1) Seseorang pegawai yang digelar Ketua Pemeriksa Kilang dan Jentera hendaklah dilantik dan apa-apa bilangan Timbalan Ketua Pemeriksa Kilang dan Jentera, Pemeriksa Kanan Kilang dan Jentera dan Pemeriksa Kilang dan Jentera dan Pemeriksa Kilang dan Jentera sebagaimana yang perlu bagi maksud Akta ini.

(2) Hendaklah dilantik mana-mana pegawai lain sebagaimana yang suai manfaat bagi melaksanakan apa-apa kewajipan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta ini.

### **Pengawasan pegawai**

5. (1) Semua Timbalan Ketua Pemeriksa, Pemeriksa Kanan dan Pemeriksa dan semua pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 4(2) hendaklah tertakluk kepada arahan dan pengawasan Ketua Pemeriksa.

(2) Seseorang Pemeriksa Kanan hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan semua kuasa yang terletak hak oleh Akta ini pada Pemeriksa dan Ketua Pemeriksa dan seseorang Timbalan Ketua Pemeriksa hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan semua kuasa yang terletak hak pada Pemeriksa Kanan atau Pemeriksa.

(3) Ketua Pemeriksa boleh secara bertulis mewakilkan mana-mana fungsi, kuasa atau kewajipan yang diserahkan hak kepadanya di bawah Akta ini kepada mana-mana Timbalan Ketua Pemeriksa, Pemeriksa Kanan atau Pemeriksa tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

(4) Suatu perwakilan di bawah seksyen ini tidak boleh menghalang Ketua Pemeriksa daripada melaksanakan atau menjalankan pada bila-bila masa mana-mana fungsi, kuasa atau kewajipan yang telah diwakilkan itu.

### **Pegawai ialah pekhidmat awam**

6. (1) Semua pegawai yang dilantik di bawah seksyen 4 hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

(2) Orang berlesen, semua pekhidmat dan ejen dan orang lain yang diambil kerja olehnya hendaklah, semasa menunaikan kewajipan mereka sebagai orang berlesen dan pekhidmat, ejen dan pekerja itu, disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

### **Kuasa seseorang Pemeriksa**

7. (1) Seseorang Pemeriksa hendaklah, bagi menjalankan maksud Akta ini mempunyai kuasa untuk melakukan semua atau mana-mana yang berikut:

- (a) untuk memasuki, memeriksa dan meneliti, pada waktu siang atau malam mana-mana kilang, dan tiap-tiap bahagian apabila dia mempunyai sebab munasabah untuk mempercayai bahawa apa-apa kerja atau proses sedang dijalankan di dalamnya, dan untuk memasuki, memeriksa dan meneliti pada waktu siang, mana-mana tempat yang dia mempunyai sebab munasabah untuk mempercayai sebagai suatu kilang dan mana-mana

bahagian daripada mana-mana bangunan yang suatu kilang menjadi sebahagiannya dan yang dalamnya dia mempunyai sebab munasabah untuk mempercayai bahawa bahan letupan atau mudah terbakar disimpan atau digunakan dan untuk menjalankan apa-apa kuasa sebagaimana yang perlu untuk memeriksa dan meneliti mana-mana jentera, loji, alat atau pemasangan di dalamnya;

- (b) untuk menghendaki pengemukakan rekod, perakuan, notis dan dokumen kilang yang disimpan menurut Akta ini dan untuk memeriksa, meneliti dan menyalin mana-mana daripadanya;
- (c) untuk membuat apa-apa pemeriksaan dan penyiasatan sebagaimana yang perlu untuk memastikan sama ada peruntukan Akta ini telah dipatuhi, setakat yang berkenaan dengan kilang atau mana-mana orang yang diambil kerja di dalamnya;
- (d) untuk menghendaki mana-mana orang yang ditemuinya dalam suatu kilang untuk memberikan apa-apa maklumat sebagaimana yang dalam kuasanya untuk memberi mengenai siapakah pemunya kilang itu;
- (e) dalam hal Pemeriksa yang merupakan seorang pengamal perubatan berdaftar, untuk menjalankan pemeriksaan perubatan yang perlu bagi maksud kewajipannya di bawah Akta ini;
- (f) untuk mengambil sampel apa-apa bahan sama ada pepejal, cecair, gas atau wap yang dikeluarkan di dalam atau dari suatu kilang; dan
- (g) untuk memberhentikan pengendalian mengikut Akta ini, mana-mana jentera yang tidak mematuhi Akta ini, dengan melekatkan suatu meterai, atau dengan apa-apa cara lain yang disifatkannya paling sesuai bagi maksud itu.

(2) Apabila dikehendaki oleh seseorang Pemeriksa, penghuni tiap-tiap kilang hendaklah mengadakan cara yang perlu untuk masuk, memeriksa, meneliti, menyiasat, mengambil sampel atau selainnya bagi menjalankan kuasanya di bawah Akta ini berhubung dengan kilang itu.

(3) Seorang Pemeriksa yang hendak memasuki mana-mana premis di bawah kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (1) hendaklah mengemukakan apabila diminta, suatu kad pengenalan rasmi mengikut bentuk yang ditetapkan, dan tiada seorang pun boleh dipaksa untuk membenarkan masuk ke dalam premisnya mana-mana orang yang mendakwa dirinya Pemeriksa kecuali apabila dikemukakan kad pengenalan sedemikian.

#### **Memasuki premis dengan waran geledah dan kuasa menyita**

7A. Jika maklumat diberikan dengan sumpah kepada majistret bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa terdapat dalam sesebuah kilang atau premis apa-apa benda, barang, buku, dokumen, loji, bahan, pemasangan atau sebahagian daripadanya yang telah digunakan bagi melakukan atau bertujuan untuk digunakan bagi melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Majistret hendaklah mengeluarkan suatu waran di bawah tandatangannya yang menurut kuasa itu Pemeriksa yang dinamakan atau disebut dalam waran itu boleh memasuki kilang atau premis itu pada bila-bila masa yang munasabah pada siang atau malam, dan menggeledah dan menyita atau mengelak barang, benda, buku, dokumen, loji, bahan, pemasangan itu atau sebahagian daripadanya.

#### **Memasuki premis tanpa waran geledah dan kuasa menyita**

7B. Jika seseorang Pemeriksa berpuas hati atas maklumat yang diterima bahawa dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa, oleh sebab kelengahan dalam memperoleh waran geledah, apa-apa benda, barang, buku, dokumen, loji, bahan, pemasangan atau sebahagian daripadanya dalam sebuah kilang atau

premis yang telah digunakan untuk melakukan atau bertujuan untuk digunakan bagi melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya berkemungkinan dipindahkan atau dimusnahkan, dia boleh memasuki kilang atau premis itu tanpa waran dan menyita atau mengelak benda, barang, buku, dokumen, loji, bahan, pemasangan itu atau sebahagian daripadanya yang dijumpai di dalamnya.

### **Penyampaian senarai barang yang disita**

7c. Pemeriksa yang menyita apa-apa benda, barang, buku, dokumen, loji, bahan, pemasangan atau sebahagian daripadanya di bawah seksyen 7A atau 7B hendaklah menyediakan suatu senarai barang yang disita dan dengan serta-merta, menghantar sesalinan senarai yang ditandatangani olehnya kepada penghuni, atau ejen atau pengkhidmat penghuni itu yang berada dalam premis itu, dan jika premis itu tidak berpenghuni atau jika penghuni itu, atau ejen atau pengkhidmat penghuni itu tidak hadir Pemeriksa itu hendaklah, pada bila-bila masa mungkin, menampalkan suatu senarai barang yang disita pada premis itu dan membuat suatu laporan polis selepas itu.

### **Pelantikan, kuasa dan kewajipan orang berlesen**

7d. (1) Walau apa pun apa-apa jua peruntukan lain dalam Akta ini, Menteri hendaklah mempunyai kuasa untuk memberikan lesen atas apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut kepada mana-mana orang bagi melaksanakan apa-apa fungsi yang ditentukan dalam Akta ini sebagai fungsi orang berlesen yang ternyata padanya perlu.

(2) Menteri boleh, membuat perintah bagi maksud subseksyen (1) dan khususnya tetapi tanpa menjejaskan keluasan makna sebelum ini, perintah itu boleh—

- (a) menetapkan kelayakan dan standard kekompetenan orang yang akan diambil kerja oleh orang berlesen;

- (b) menetapkan kuasa orang yang diambil kerja oleh orang berlesen untuk menjalankan fungsi orang berlesen;
- (c) menetapkan rekod yang perlu disimpan oleh orang berlesen;
- (d) menetapkan penyata yang perlu dikemukakan oleh orang berlesen kepada Ketua Pemeriksa pada lat-lat tempoh tertentu;
- (e) mengawal selia pemeriksaan oleh Ketua Pemeriksa terhadap premis orang berlesen dan rekod yang disimpan di situ;
- (f) menetapkan standard pemeriksaan untuk dipatuhi oleh orang berlesen; dan
- (g) menetapkan fungsi atau kewajipan yang perlu dijalankan oleh orang berlesen.

(3) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, memberi kuasa kepada orang berlesen untuk menuntut, menetapkan, mengutip dan menyimpan caj, fi dan levi yang berkenaan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh orang berlesen itu.

(4) Suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (3) hendaklah menyatakan—

- (a) jenis perkhidmatan berkenaan dengan caj, fi, atau levi yang boleh dituntut, dikutip dan disimpan; dan
- (b) tempoh pemberian kuasa untuk menuntut, mengutip dan menyimpan caj, fi atau levi.

(5) Orang berlesen yang diberi kuasa di bawah subseksyen (3)

hendaklah—

- (a) menyenggara apa-apa akaun, buku dan rekod berkenaan dengan pembayaran dan kutipan caj, fi atau levi sebagaimana yang Ketua Pemeriksa boleh menghendaki;
- (b) memberikan kepada Ketua Pemeriksa apa-apa maklumat, penyata dan akaun berkenaan dengan pembayaran dan kutipan caj, fi atau levi sebagaimana yang Ketua Pemeriksa boleh menghendaki; dan
- (c) membenarkan Ketua Pemeriksa atau mana-mana orang lain yang telah diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pemeriksa untuk mempunyai akses kepada atau meneliti atau memeriksa apa-apa dokumen, jentera atau peralatan yang disenggara atau yang digunakan bagi pembayaran atau kutipan caj, fi atau levi.

(6) Pemberikuasaan orang berlesen di bawah subseksyen (3) tidak boleh menyebabkan Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab kepada mana-mana orang yang berkenaan dengan apa-apa kecederaan, kerosakan atau kerugian yang disebabkan oleh kegagalan orang berlesen itu untuk menjalankan obligasinya di bawah Akta ini berkenaan dengan caj, fi atau levi yang dituntut, dikutip dan disimpan.

(7) Jika orang berlesen melanggar mana-mana syarat lesen itu atau mana-mana peruntukan apa-apa perintah yang dibuat di bawah seksyen ini atau apa-apa peruntukan subseksyen (5) yang dia dikehendaki untuk mematuhi, dia melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(8) Walau apa pun lesen seseorang di bawah seksyen ini, Menteri boleh memberikan arahan kepada Ketua Pemeriksa untuk

menjalankan mana-mana fungsi yang di bawah terma lesen itu yang sepatutnya dijalankan oleh orang berkenaan.

### **Pembatalan lesen**

7E. (1) Jika Ketua Pemeriksa berpuas hati bahawa orang berlesen telah melanggar mana-mana syarat lesen, Ketua Pemeriksa boleh memberi suatu notis bertulis kepada orang berlesen itu yang menghendaknya mematuhi syarat yang dia telah melanggar dan mengambil segala langkah yang ditetapkan di dalamnya dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Jika sehingga tempoh masa yang ditetapkan dalam notis itu tamat orang berlesen itu telah gagal untuk mematuhi notis itu, Ketua Pemeriksa hendaklah mengemukakan suatu laporan kepada Menteri berkenaan dengan kegagalan itu.

(3) Jika, selepas mempertimbangkan laporan daripada Ketua Pemeriksa, Menteri berpuas hati bahawa pelanggaran itu serius dari segi sifat atau kesannya atau boleh menjejaskan keselamatan dan kesihatan pekerja atau orang awam dan bahawa orang berlesen itu telah gagal atau enggan untuk mengambil atau tidak mengambil segala langkah yang ditetapkan dalam notis itu bagi maksud untuk memastikan pematuhan syarat yang orang berlesen itu telah melanggar, Menteri boleh memberi orang berlesen itu suatu notis yang menyatakan bahawa dia bercadang untuk membatalkan lesen yang telah diberikan kepada orang itu dan notis itu juga hendaklah menyatakan—

- (a) pelanggaran yang dikatakan terhadap orang berlesen itu dan tindakan atau peninggalan yang menjadikan pelanggaran itu; dan
- (b) tempoh (yang hendaklah tidak kurang daripada tiga puluh hari dari tarikh notis itu) yang dalamnya orang berlesen itu boleh membuat representasi berhubung dengan pembatalan itu.

(4) Selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu dan selepas mempertimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh orang berlesen, Menteri boleh memutuskan sama ada untuk meneruskan dengan cadangan pembatalan itu atau tidak mengambil tindakan selanjutnya.

(5) Notis hendaklah diberikan kepada orang berlesen oleh Menteri memaklumkan orang berlesen itu akan keputusan apabila Menteri memutuskan untuk membatalkan lesen atau tidak mengambil tindakan selanjutnya, dan keputusan itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh notis itu dihantar kepada orang berlesen itu.

(6) Keputusan Menteri di bawah seksyen ini adalah muktamad.

(7) Walau apa pun pembatalan lesen itu, kesahan apa-apa perakuan kelayakan yang dikeluarkan oleh orang berlesen hendaklah terus sah sehingga tamat tempoh lesen itu dan orang berlesen itu hendaklah terus mengambil alih apa-apa obligasi, kewajipan dan tanggungjawab yang dikenakan oleh atau berkaitan dengan pengeluaran perakuan kelayakan itu.

### **Pemberian lesen baru apabila pembatalan**

7F. (1) Apabila lesen yang diberikan kepada orang berlesen dibatalkan di bawah seksyen 7E, Menteri boleh, selepas berbincang dengan Ketua Pemeriksa, melantik seseorang lain untuk menjalankan, melepaskan, mengambil alih atau melaksanakan apa-apa fungsi, obligasi, kewajipan, tanggungjawab dan syarat yang diberikan atau yang dikenakan oleh lesen yang dibatalkan itu, dan untuk menerima apa-apa pembayaran, faedah atau keistimewaan orang yang lesennya dibatalkan itu berhak untuk menerima atau menikmati di bawah terma dan syarat lesen itu.

(2) Orang yang lesennya dibatalkan itu dan ejen atau pekerjaanya hendaklah memberikan segala bantuan dan kerjasama yang perlu kepada orang yang dilantik oleh Menteri di bawah subseksyen (1).

**Halangan suatu kesalahan****8. Mana-mana orang yang—**

- (a) enggan untuk membenarkan atau dengan sengaja melengahkan-lengahkan atau menghalang Pemeriksa atau orang berlesen daripada memasuki kilang dalam menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta ini;
- (b) gagal untuk mematuhi apa-apa notis, selain notis yang diberikan di bawah subseksyen 39(3) atau 40(4), yang dengan sah diberi oleh orang berlesen dalam menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta ini;
- (c) dengan sengaja enggan memberikan apa-apa maklumat mengenai siapa penghuni atau pemunya mana-mana kilang atau jentera atau menyembunyikan atau menghalang seseorang daripada hadir di hadapan atau diperiksa oleh Pemeriksa atau orang berlesen, atau dengan apa-apa cara menghalang Pemeriksa atau orang berlesen;
- (d) menyembunyikan lokasi atau kewujudan mana-mana orang lain atau mana-mana loji atau bahan daripada Pemeriksa atau orang berlesen;
- (e) menghalang atau cuba menghalang mana-mana orang daripada membantu Pemeriksa atau orang berlesen;
- (f) dengan apa-apa cara lain, menggalang, merintang atau menentang Pemeriksa atau orang berlesen dalam menjalankan kuasanya di bawah Akta atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya; atau

- (g) gagal untuk mematuhi apa-apa perintah yang diberikan dengan sah oleh Pemeriksa atau orang berlesen dalam menjalankan apa-apa kuasa di bawah Akta ini,

melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

### **Kerahsiaan maklumat**

9. (1) Kecuali bagi maksud Akta ini atau untuk maksud mana-mana prosiding sivil atau jenayah di bawah Akta ini atau apa-apa undang-undang bertulis lain, tiada seorang pun yang dilantik di bawah seksyen 4 atau orang berlesen dan pekerja kepada orang berlesen boleh mendedahkan apa-apa rahsia pengeluaran atau perdagangan yang boleh pada bila-bila masa sampai kepada pengetahuannya atau yang telah diperolehnya dalam penjalanan tugasnya di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

## **BAHAGIAN II**

### **KESELAMATAN, KESIHATAN DAN KEBAJIKAN**

#### **Peruntukan yang berhubungan dengan keselamatan, dsb.**

10. Tanpa menyentuh mana-mana undang-undang berkenaan dengan pihak berkuasa tempatan, berkenaan dengan mana-mana kilang, peruntukan yang berikut yang berhubungan dengan keselamatan hendaklah terpakai:

- (a) asas dan lantai hendaklah cukup kuat untuk menahan beban-beban yang baginya direka bentuk; dan tiada asas atau lantai boleh dibeban lebih;
- (b) bumbung hendaklah cukup kuat untuk menampung jika perlu beban terampai;
- (c) semua lantai, lantai kerja, platform, dek, tangga lorong, laluan, titi sambung, tangga dan anak tangga hendaklah dibina dengan selamat untuk mencegah risiko orang daripada jatuh dan dengan struktur yang baik untuk mencegah risiko keruntuhan, dan hendaklah disenggara dan dijaga dengan sewajarnya, setakat yang semunasabahnya dapat dilaksanakan, bebas dari apa-apa bahan yang longgar dan tidak dalam keadaan licin;
- (d) apa-apa cara yang semunasabahnya dapat dilaksanakan, hendaklah diadakan, disenggarakan dan digunakan untuk memastikan akses yang selamat ke mana-mana tempat yang mana-mana orang akan bekerja pada bila-bila masa;
- (e) tiap-tiap bukaan, takungan bahan buangan, lubang atau bejana yang dilekatkan pada lantai atau lantai kerja hendaklah ditutup dengan selamat atau dipagar dengan selamat untuk mencegah risiko orang daripada jatuh; dan
- (f) semua barang, benda dan bahan yang disimpan atau disusun hendaklah ditempatkan atau disusun—
  - (a) mengikut cara yang boleh memastikan kestabilan yang terbaik dan mencegah apa-apa keruntuhan barang, benda atau bahan atau sokongannya; dan
  - (b) mengikut cara sedemikian supaya tidak mengganggu pembahagian cahaya yang mencukupi, pengalihan udara yang mencukupi,

pengendalian jentera yang sempurna, penggunaan laluan atau titi sambung yang tidak tempat dihalang dan pengendalian atau penggunaan kelengkapan pemadam api yang berkesan.

**Orang yang terdedah kepada bahan letupan, mudah terbakar, dsb.**

11. Di dalam tiap-tiap kilang yang orang terdedah kepada risiko kecederaan badan daripada bahan letupan, mudah terbakar, beracun atau menghakis atau pancaran ion, langkah-langkah yang ditetapkan hendaklah diambil bagi menghapuskan risiko itu.

**Mengangkat benda berat**

12. Tiada seorang pun boleh diambil kerja untuk mengangkat, membawa atau memindahkan apa-apa beban yang begitu berat sehingga mungkin menyebabkan kecederaan badan kepadanya.

**Persediaan terhadap kebakaran**

13. Tanpa menjejaskan mana-mana undang-undang berkenaan dengan pihak berkuasa tempatan, di dalam tiap-tiap kilang hendaklah diambil langkah berjaga-jaga terhadap kebakaran, dan hendaklah disediakan dan disenggarakan, apa-apa kemudahan untuk menyelamatkan diri sekiranya berlaku kebakaran selain kemudahan pintu keluar dalam penggunaan biasa, dan apa-apa cara memadamkan api sebagaimana yang ditetapkan.

**Pembinaan jentera**

14. Semua jentera dan tiap-tiap bahagiannya termasuk semua pemasangan dan lekapan hendaklah dibina dengan selamat dan

daripada bahan yang bebas daripada kecacatan dan sesuai bagi maksud itu dan hendaklah disenggara dengan sewajarnya.

### **Bahagian jentera yang berbahaya**

**15.** Tiap-tiap bahagian jentera yang berbahaya hendaklah dipagar dengan selamat melainkan jika bahagian itu berada dalam kedudukan atau dibina dengan cara yang selamat kepada tiap-tiap orang yang diambil kerja atau yang sedang bekerja atau yang memasuki premis itu sebagaimana ia akan selamat jika bahagian itu dipagar dengan selamat:

Dengan syarat bahawa setakat yang keselamatan bahagian yang berbahaya bagi mana-mana jentera tidak boleh dengan sebab keadaan pengendalian dijamin dengan cara pengadang tetap, kehendak seksyen ini hendaklah disifatkan telah dipatuhi jika suatu peranti disediakan yang secara automatik menghalang pengendali daripada bersentuhan atau menyebabkan tersentuh dengan bahagian itu.

### **Bahan yang mengunjur**

**16.** Berkenaan dengan apa-apa jentera sebagaimana yang ditetapkan, mana-mana bahagian daripada mana-mana bahan yang dibawa oleh jentera itu semasa ia berjalan yang mengunjur melebihi mana-mana bahagian jentera itu hendaklah dipagar dengan berkesan melainkan jika ia berada dalam suatu kedudukan yang selamat kepada mana-mana orang yang diambil kerja atau yang sedang bekerja atau yang memasuki premis itu.

### **Jentera untuk disewa atau dijual mestilah mematuhi peraturan-peraturan**

**17.** Tiada seorang pun boleh menjual atau membenarkan disewa mana-mana jentera selain jentera penghantaran yang tidak mematuhi mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang terpakai bagi jentera itu.

**Jentera yang dibuat atau dibaiki mestilah mematuhi peraturan-peraturan**

**18.** (1) Tiada seorang pun boleh membuat, membaiki atau memasang jentera mengikut cara sedemikian yang tidak mematuhi peruntukan Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya yang terpakai kepada jentera itu.

(2) Tiada seorang pun boleh mengimport apa-apa jentera selain jentera penghantaran yang tidak mematuhi mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang terpakai bagi jentera itu.

**Perakuan kelayakan**

**19.** (1) Tiada seorang pun boleh mengendalikan atau menyebabkan atau membenarkan supaya dikendalikan apa-apa jentera yang berkenaan dengannya suatu perakuan kelayakan ditetapkan melainkan jika ada berkuat kuasa berhubung dengan pengendalian jentera itu suatu perakuan kelayakan yang sah yang dikeluarkan di bawah Akta ini.

(2) Dalam hal apa-apa pelanggaran subseksyen (1) seseorang Pemeriksa hendaklah dengan serta-merta menyampaikan kepada orang yang disebut dahulu suatu notis secara bertulis yang melarang pengendalian jentera itu atau boleh menyebabkan jentera itu tidak boleh dikendalikan sehingga suatu masa apabila perakuan kelayakan yang sah dikeluarkan.

(3) Perakuan kelayakan yang dikeluarkan di bawah Akta ini hendaklah masing-masing mengikut bentuk yang ditetapkan dan hendaklah sah tertakluk kepada Akta ini, bagi apa-apa tempoh yang ditetapkan.

(4) Suatu perakuan kelayakan yang berkenaan dengan apa-apa jentera yang sedang dibuka atau dibaiki atau rosak atas apa-apa sebab hendaklah tamat apabila dibuka, dibaiki atau rosak, tetapi Ketua Pemeriksa boleh mengecualikan apa-apa jentera daripada pemakaian subseksyen ini jika pada pendapatnya jentera itu tidak

akan menyebabkan apa-apa bahaya kepada mana-mana orang atau harta.

(5) Untuk maksud subseksyen (4) –

“rosak” ertinya apa-apa kecacatan fizikal yang disebabkan kepada apa-apa jentera semasa pengendalian atau selainnya yang boleh menjejaskan kekuatan dan integriti jentera itu semasa pengendalian berikutnya;

“dibuka” ertinya membuka mana-mana bahagian apa-apa jentera yang boleh menjejaskan kekuatan, integriti atau keupayaan fungsional jentera itu;

“dibaiki” ertinya apa-apa kerja yang dilakukan untuk membaiki pulih apa-apa bahagian mana-mana jentera yang telah rosak.

(6) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, jika disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Kuasa untuk membatalkan perakuan kelayakan yang diperoleh dengan cara fraud atau salah nyataan**

**19A.** (1) Ketua Pemeriksa hendaklah membatalkan atau menamatkan suatu perakuan kelayakan jika dia berpuas hati bahawa perakuan kelayakan itu telah diperoleh dengan cara fraud atau salah nyataan.

(2) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Ketua Pemeriksa di bawah subseksyen (1) boleh, dalam masa empat belas hari dari tarikh keputusan itu dimaklumkan kepadanya, merayu kepada Menteri secara bertulis.

(3) Keputusan Menteri di bawah subseksyen ini adalah muktamad.

**Kewajipan orang yang diambil kerja**

**20.** (1) Tiada seorang pun yang diambil kerja di dalam mana-mana kilang atau di mana-mana tempat yang apa-apa jentera dipasang boleh dengan sengaja mengganggu atau menyalahgunakan apa-apa cara, alat, kemudahan atau benda lain yang diperuntukkan menurut Akta ini bagi menjamin keselamatan, kesihatan atau kebajikan orang yang diambil kerja di kilang atau di tempat yang jentera itu dipasang; dan jika apa-apa cara atau alat bagi menjamin keselamatan, kesihatan atau kebajikan disediakan untuk kegunaan orang di bawah Akta ini, dia hendaklah menggunakan cara atau alat itu.

(2) Tiada seorang pun yang diambil kerja di dalam mana-mana kilang atau di mana-mana tempat yang apa-apa jentera dipasang, boleh dengan sengaja dan tanpa sebab yang munasabah bertindak dalam apa-apa cara yang menyebabkan atau mungkin menyebabkan kecederaan badan kepada dirinya sendiri atau kepada orang lain atau kerosakan kepada apa-apa jentera atau harta lain.

**Kewajipan penghuni**

**21.** Penghuni hendaklah pada setiap masa menyenggara semua alat keselamatan dan jentera.

**Peruntukan yang berhubungan dengan kesihatan**

**22.** (1) Tanpa menjejaskan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan kesihatan awam, berkenaan dengan mana-mana kilang, peruntukan yang berikut yang berhubungan dengan kesihatan orang hendaklah terpakai:

- (a) tiap-tiap kilang hendaklah dijaga dalam keadaan bersih dan bebas dari bau busuk yang timbul daripada mana-mana parit, kemudahan kebersihan atau sumber lain dan hendaklah dibersihkan pada masa dan dengan cara yang ditetapkan dan cara ini bolehlah termasuk menyapu

kapur atau menyapu warna, mengecat, memvarnis, membubuh ubat mencegah kuman atau mencegah bau;

- (b) bilangan maksimum orang yang diambil kerja pada bila-bila masa di dalam mana-mana bilik kerja dalam mana-mana kilang hendaklah sebegitu rupa sehingga amaun ruang meter padu dan permukaan meter kawasan lantai yang dibenarkan dalam bilik kerja bagi setiap orang itu adalah tidak kurang daripada amaun ruang meter padu dan permukaan meter kawasan lantai yang ditetapkan sama ada secara am atau bagi kelas kerja tertentu yang dijalankan di dalam bilik kerja itu;
- (c)
  - (i) peruntukan yang berkesan dan sesuai hendaklah dibuat bagi menjamin dan menyenggara pengalihan udara yang mencukupi melalui peredaran udara segar dalam tiap-tiap bahagian kilang dan bagi menjadikan tidak berbahaya setakat yang dapat dilaksanakan, semua gas, wasap, habuk dan kekotoran lain yang boleh memudaratkan kesihatan yang berbangkit dalam perjalanan apa-apa proses atau kerja yang dijalankan di dalam sesuatu kilang;
  - (ii) Menteri boleh menetapkan suatu standard pengalihan udara yang mencukupi dan cara yang melalui standard itu boleh dicapai, bagi kilang atau bagi mana-mana kelas atau perihalan kilang atau bahagiannya;
- (d)
  - (i) peruntukan yang berkesan dan sesuai hendaklah dibuat bagi menjamin dan menyenggara suatu suhu yang akan memastikan keadaan keselesaan yang munasabah dan mencegah daripada kecederaan badan kepada mana-mana orang yang diambil kerja di dalam sesuatu kilang;
  - (ii) Menteri boleh bagi kilang atau bagi mana-mana kelas kilang atau bahagiannya, menetapkan suatu

standard suhu yang munasabah dan melarang penggunaan apa-apa kaedah bagi menyenggara suatu suhu yang munasabah yang pada pendapatnya mungkin memudaratkan orang yang diambil kerja dan mengarahkan supaya jangka suhu disediakan dan disenggarakan di tempat dan kedudukan yang dinayatakan;

- (e) (i) peruntukan yang berkesan hendaklah dibuat bagi menjamin dan menyenggara pencahayaan yang mencukupi dan sesuai, sama ada secara semula jadi atau tiruan, di tiap-tiap bahagian kilang yang orang itu sedang bekerja atau lalu;
- (ii) Menteri boleh menetapkan suatu standard pencahayaan yang mencukupi dan sesuai bagi kilang atau bagi mana-mana kelas atau perihalan kilang atau bahagiannya atau bagi apa-apa proses; dan
- (f) kemudahan kebersihan yang mencukupi dan sesuai yang ditetapkan, hendaklah disediakan dan disenggarakan untuk kegunaan orang di dalam sesuatu kilang.

(2) (a) Apabila ternyata pada seseorang Pemeriksa bahawa apa-apa proses dalam mana-mana kilang mungkin memudaratkan kesihatan mana-mana orang yang diambil kerja di dalamnya atau orang awam, dia hendaklah melaporkan hal keadaan itu secara bertulis kepada Ketua Pemeriksa yang boleh dengan itu menjalankan penyiasatan yang dia fikirkan perlu.

(b) Jika Ketua Pemeriksa berpuas hati—

- (i) bahawa proses itu mungkin memudaratkan kesihatan mana-mana orang yang diambil kerja di dalam kilang atau orang awam; dan
- (ii) bahawa proses itu boleh diubah suai atau cara disediakan untuk mengurangkan kemungkinan

kemudaran kepada kesihatan orang itu atau kesihatan orang awam seperti yang disebut terdahulu,

dia hendaklah, setelah menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh penghuni kilang itu, memerintahkan supaya proses itu diubah suai mengikut cara atau cara yang disediakan itu yang diarahkan olehnya untuk mengurangkan kemungkinan kemudaran kepada kesihatan orang itu atau orang awam.

(c) Mana-mana orang yang terkilan dengan perintah yang dibuat di bawah perenggan (b) boleh dalam tempoh dua puluh satu hari dari penerimaan perintah itu merayu kepada Menteri yang hendaklah membuat perintah yang difikirkannya patut.

(d) Jika Ketua Pemeriksa berpuas hati—

- (i) bahawa proses sedemikian mungkin memudaratkan kesihatan mana-mana orang yang diambil kerja di dalam kilang atau orang awam; dan
- (ii) bahawa proses itu tidak boleh diubah suai atau cara disediakan untuk mengurangkan kemungkinan kemudaran kepada kesihatan orang itu atau orang awam yang disebut terdahulu,

dia hendaklah melaporkan hal keadaan itu secara bertulis kepada Menteri.

(e) Menteri boleh apabila menerima laporan itu sama ada—

- (i) membuat apa-apa peraturan bagi mengawal selia atau melarang penggunaan proses itu sebagaimana yang difikirkan munasabah; atau
- (ii) selepas menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh mana-mana orang yang mungkin terjejas olehnya melalui tulisan yang ditandatangani sendiri melarang penjalanan proses itu sama ada secara mutlak atau

bersyarat atau penggunaan apa-apa benda atau bahan yang berkaitan dengannya.

(f) Bagi maksud membolehkan mana-mana penghuni sesuatu kilang atau orang lain membuat representasi berkenaan dengan sesuatu perintah atau larangan yang dicadangkan di bawah perenggan (b) atau (e), Ketua Pemeriksa atau Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah menyebabkan disampaikan kepada penghuni atau orang lain suatu notis yang menyatakan tempoh yang representasi itu boleh dibuat dan yang mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang dianggap oleh Ketua Pemeriksa atau Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, mencukupi dalam hal keadaan itu.

(3) Seseorang Pemeriksa boleh menghendaki mana-mana orang yang diambil kerja di dalam mana-mana kilang yang penyakit yang dinamakan dalam Jadual Ketiga telah berlaku, atau mungkin berlaku supaya dikenakan pemeriksaan perubatan.

### **Pendedahan kepada unsur**

23. Peruntukan yang berkesan hendaklah dibuat bagi menjamin dan menyanggara cara yang mencukupi dan sesuai untuk melindungi mana-mana orang yang diambil kerja daripada terdedah kepada unsur, dan cara-cara itu boleh termasuk bumbung atap dan adang angin yang masing-masingnya bagi perlindungan terhadap hujan dan angin.

### **Pakaian dan alat perlindungan diri**

24. Jika di dalam mana-mana kilang, orang terdedah kepada proses yang basah atau berdebu, bising, berhaba atau kepada apa-apa bahan beracun, mengakis atau memudaratkan yang boleh menyebabkan kecederaan badan kepada orang itu, Menteri boleh menetapkan peruntukan dan penyanggaraan bagi kegunaan orang itu pakaian dan alat perlindungan diri yang mencukupi dan sesuai termasuklah, jika

perlu pelindung mata, sarung tangan, sarung kaki, topi, alas kaki dan salap atau losyen pelindung.

### **Peruntukan yang berhubungan dengan kebajikan**

25. (1) Berkenaan dengan mana-mana kilang, peruntukan yang berikut yang berhubungan dengan kebajikan orang hendaklah terpakai:

- (a) hendaklah disediakan dan disenggarakan bagi kegunaan orang yang diambil kerja di dalamnya—
  - (i) tempat yang mencukupi dan sesuai untuk pakaian yang tidak dipakai semasa waktu kerja; dan
  - (ii) apa-apa perkiraan yang semunasabahnya dapat dilaksanakan bagi mengeringkan pakaian itu;
- (b) hendaklah disediakan dan disenggarakan di tempat yang sesuai yang mudah diperolehi secara munasabah oleh semua orang yang diambil kerja di dalamnya—
  - (i) bekalan air minum yang mencukupi yang selamat dan berkhasiat; dan
  - (ii) kemudahan yang mencukupi dan sesuai untuk membasuh yang hendaklah disimpan dalam keadaan yang bersih; dan
- (c) hendaklah disediakan dan disenggarakan suatu peti atau almari pertolongan cemas yang akses kepadanya mudah mengikut standard yang ditetapkan dan apabila lebih daripada seratus lima puluh orang diambil kerja pada satu masa, suatu bilik pertolongan cemas yang sesuai mengikut standard yang ditetapkan hendaklah juga disediakan dan disenggarakan.

(2) Menteri boleh bagi kilang atau bagi mana-mana kelas kilang atau bahagiannya menetapkan standard untuk dipatuhi berkenaan dengan semua peruntukan dalam subseksyen yang terdahulu berhubungan dengan kebajikan orang yang diambil kerja.

### BAHAGIAN III

#### ORANG YANG MENJAGA DAN PERAKUAN KEKOMPETENAN

##### **Latihan dan pengawasan pekerja yang tidak berpengalaman**

26. Tiada seorang pun boleh diambil kerja pada mana-mana mesin atau dalam apa-apa proses, yang merupakan mesin atau proses yang boleh menyebabkan kecederaan badan, melainkan jika dia telah diberi arahan sepenuhnya tentang bahaya yang mungkin berbangkit berkaitan dengannya dan langkah-langkah untuk dipatuhi, dan—

- (a) telah menerima arahan yang mencukupi tentang kerja pada mesin atau proses itu; atau
- (b) di bawah pengawasan yang mencukupi oleh seseorang yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman tentang mesin atau proses itu.

##### **Ketua Pemeriksa boleh membuat perintah dalam hal keadaan tertentu**

27. (1) Ketua Pemeriksa boleh membuat perintah khas bagi kelakuan dan panduan orang yang diambil kerja dalam mana-mana perkhidmatan yang melibatkan pengurusan atau pengendalian, atau penjagaan, atau kedekatan dengan mana-mana jentera atau proses yang dijalankan di dalam mana-mana kilang yang ternyata padanya perlu untuk memastikan keselamatan dan kesihatan mereka.

(2) Penghuni hendaklah memastikan dengan segala cara yang munasabah bahawa orang yang terdedah kepada bahaya sedar akan

mana-mana perintah khas yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan orang itu hendaklah mematuhi perintah khas tersebut.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), suatu salinan perintah khas Ketua Pemeriksa yang dicetak atau ditulis dalam bahasa yang sesuai dan ditampalkan di tempat yang mudah dilihat yang berhampiran dengan jentera atau proses yang dimaksudkan oleh perintah khas tersebut, supaya semua orang yang disebut itu mempunyai akses dan peluang yang bebas untuk membaca perintah khas itu, hendaklah disifatkan menjadi cara yang munasabah.

### **Orang muda**

**28.** (1) Tiada seorang pun orang muda boleh menjalankan kerja yang melibatkan pengurusan, atau penjagaan, atau kedekatan dengan, mana-mana jentera.

(2) Hendaklah menjadi kewajipan pemunya atau penghuni untuk memastikan bahawa subseksyen (1) dipatuhi.

(3) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi orang muda yang berumur tidak kurang daripada empat belas tahun yang menjalani kursus pengajaran di sekolah teknik Kerajaan atau institusi pendidikan lain atau yang berumur tidak kurang dari lima belas tahun sekiranya sedang menjalani perantisan yang diiktiraf.

(4) Seseorang Pemeriksa boleh menghendaki seseorang pemunya atau penghuni untuk membuat perkiraan yang sesuai dan berkesan untuk mencegah kemasukan orang muda ke dalam premis atau mana-mana bahagiannya yang jentera dipasang:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidak terpakai bagi lawatan ke kilang yang diaturkan bagi maksud pendidikan yang dalam hal yang demikian segala langkah berjaga-jaga hendaklah diambil untuk memastikan keselamatan orang muda itu.

**Jentera tertentu tidak boleh dikendalikan tanpa kakitangan yang diperakukan**

**29.** (1) Tiap-tiap penghuni hendaklah memastikan bahawa jentera yang ditetapkan berada di bawah jagaan seorang jurutera, ketua kapal korek atau drebar yang berperakuan tidak dikendalikan kecuali di bawah jagaan jurutera ketua kapal korek atau drebar itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Tiada seorang pun boleh menjaga mana-mana jentera yang ditetapkan di bawah jagaan seorang jurutera, ketua kapal korek atau drebar yang berperakuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, melainkan jika—

- (a) dia memegang perakuan kekompetenan sebagai seorang jurutera, ketua kapal korek atau drebar; atau
- (b) dia mempunyai suatu kuasa bertulis yang dikeluarkan oleh Ketua Pemeriksa.

(3) Tiap-tiap orang yang memegang suatu perakuan kekompetenan yang dikeluarkan di bawah Akta ini hendaklah mengeluarkan dan membenarkan perakuan itu diperiksa pada bila-bila masa yang dikehendaki untuk berbuat demikian oleh Pemeriksa.

**Jentera tidak boleh dibuat, dsb., tanpa kuasa bertulis**

**29A.** Tiada seorang pun boleh membuat, memasang siap, menguji, memasang, menyenggara, membuka atau membaiki apa-apa jentera yang telah ditetapkan melainkan jika dia mempunyai kuasa bertulis yang dikeluarkan oleh Ketua Pemeriksa.

**Panel Pemeriksa dan Lembaga Rayuan**

**30.** (1) Bagi maksud Bahagian ini, hendaklah dilantik suatu Panel Pemeriksa yang terdiri daripada seorang Pengerusi dan mana-mana orang yang ditetapkan.

(2) Panel hendaklah mengadakan apa-apa peperiksaan sebagaimana yang ditetapkan dan membuat syor kepada Ketua Pemeriksa pemberian kepada calon yang berjaya dalam peperiksaan itu, perakuan kekompetenan dalam borang yang ditetapkan.

(3) Peperiksaan hendaklah dijalankan mengikut arahan Ketua Pemeriksa berkenaan dengan masa dan tempat peperiksaan hendak diadakan, bentuk dan kandungannya dan cara yang peperiksaan itu akan dijalankan.

(4) Tiap-tiap perkara yang dirujuk kepada Panel hendaklah ditimbang dan diputuskan oleh Pengerusi dan sekurang-kurangnya seorang anggota Panelnya:

Dengan syarat bahawa Pengerusi boleh membenarkan peperiksaan bagi drebar enjin dijalankan oleh seorang anggota.

(5) Mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan keputusan Panel boleh merayu kepada Ketua Pemeriksa yang hendaklah mengadakan suatu Lembaga Rayuan yang terdiri daripada orang yang ditetapkan.

#### BAHAGIAN IV

#### PEMBERITAHUAN KEMALANGAN, KEJADIAN BERBAHAYA DAN PENYAKIT BERBAHAYA

#### **Kemalangan dan kejadian berbahaya hendaklah dilaporkan**

**31.** Bilamana mana-mana kemalangan yang—

- (a) menyebabkan kehilangan nyawa kepada mana-mana orang;
- (aa) menyebabkan kecederaan badan yang teruk kepada mana-mana orang;

- (b) menyebabkan kecederaan badan kepada mana-mana orang sehingga orang itu terhalang daripada meneruskan pekerjaan biasanya lebih daripada tiga hari genap tidak termasuk hari kemalangan; atau
- (c) menyebabkan kerosakan yang teruk kepada jentera atau harta lain,

atau apa-apa kejadian berbahaya berlaku di dalam mana-mana kilang atau berkaitan dengan mana-mana jentera, penghuni hendaklah melaporkan kemalangan atau kejadian berbahaya itu kepada Pemeriksa yang mempunyai bidang kuasa bagi kawasan yang kemalangan atau kejadian berbahaya itu berlaku dengan cara yang paling cepat yang ada dan kemudiannya dengan tidak berlengah-lengah melaporkan secara bertulis kepada Pemeriksa fakta kejadian dalam bentuk yang ditetapkan setakat yang kejadian itu diketahui olehnya.

### **Pemberitahuan penyakit pekerjaan**

32. Tiap-tiap pengamal perubatan yang berdaftar yang merawat, atau dipanggil untuk merawat, seorang pesakit yang dipercayainya mengidap mana-mana penyakit yang dinamakan dalam Jadual Ketiga dan yang dihindangi di dalam kilang hendaklah, melainkan jika notis itu telah dihantar sebelum ini—

- (a) dengan serta-merta menghantar kepada Ketua Pemeriksa suatu notis nyata nama dan kedudukan kilang yang pesakit menyatakan dia sedang atau pernah bekerja, nama dan alamat pos penuh pesakit itu dan penyakit yang pada pendapat pengamal perubatan yang berdaftar itu, dihidapi oleh pesakit itu; dan
- (b) pada masa yang sama menghantar suatu salinan notis itu kepada penghuni kilang yang pesakit itu menyatakan dia sedang atau akhir sekali diambil kerja.

**Penyiasatan dan siasatan**

**33.** (1) Seseorang Pemeriksa hendaklah membuat penyiasatan permulaan mengenai hal keadaan mana-mana kemalangan atau kejadian berbahaya yang disebut dalam perenggan 31(a), (aa) dan (c) dan boleh membuat suatu siasatan permulaan mengenai hal keadaan mana-mana kemalangan yang menyebabkan kecederaan anggota badan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 31(b) atau penyakit industri yang disebut dalam seksyen 32, yang dilaporkan kepadanya, dan hendaklah mengemukakan secara bertulis kepada Ketua Pemeriksa suatu laporan tentang penyiasatan itu dan jika terdapat apa-apa kehilangan nyawa atau ada sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana orang telah mendapat cedera parah Ketua Pemeriksa hendaklah menghantar suatu salinan laporan yang disebut terdahulu kepada Majistret yang terdekat bersama-sama dengan laporan yang selanjutnya itu yang dianggapnya perlu dan hendaklah memberitahu Majistret itu sama ada dicadangkan atau tidak untuk mengadakan suatu siasatan di bawah subseksyen (2).

(2) (a) Jika setelah menimbangkan laporan yang disebut dalam subseksyen (1), ternyata pada Ketua Pemeriksa bahawa suatu siasatan patut diadakan mengenai sifat dan sebab kemalangan atau kejadian berbahaya atau penyakit pekerjaan itu, dia boleh menyebabkan suatu siasatan diadakan oleh Pemeriksa Kanan.

(b) Apabila tamatnya siasatan itu Pemeriksa Kanan hendaklah mengemukakan kepada Ketua Pemeriksa suatu salinan keterangan yang diambil dari siasatan itu, bersama-sama dengan dapatannya tentang siasatan itu, dan laporan selanjutnya yang dianggap perlu oleh Pemeriksa Kanan.

(c) Jika Ketua Pemeriksa berpendapat bahawa prosiding jenayah patut dimulakan terhadap mana-mana orang berkaitan dengan kemalangan atau kejadian berbahaya atau penyakit pekerjaan itu, dia hendaklah mengemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya suatu salinan keterangan, dapatan dan laporan yang dikemukakan mengikut perenggan (b).

(3) Jika kemalangan atau kejadian berbahaya yang disebut dalam seksyen 31 menyebabkan kematian mana-mana orang atau kecederaan badan yang teruk kepada mana-mana orang atau kerosakan yang teruk kepada jentera atau harta lain, tiada pengubahan atau penambahan boleh dibuat kepada mana-mana jentera yang boleh menyebabkan kemalangan atau kejadian berbahaya tanpa keizinan bertulis Pemeriksa dan begitu juga tiada apa-apa pengubahan boleh dibuat tanpa keizinan bertulis itu mengenai tempat kemalangan atau kejadian berbahaya sehingga Pemeriksa telah menamatkan penyiasatannya itu:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua yang terkandung dalam subseksyen ini boleh berkuat kuasa untuk mengganggu kerja menyelamatkan atau kerja yang perlu untuk keselamatan nyawa atau harta.

(4) (a) Pemeriksa Ketua boleh melantik seorang atau lebih dalam bidang kejuruteraan, perubatan atau kemahiran khas lain yang sesuai untuk membantu sebagai pengapit dalam mana-mana siasatan yang diadakan di bawah subseksyen (2).

(b) Tiap-tiap orang yang bukan pegawai awam yang berkhidmat sebagai pengapit dalam mana-mana siasatan berhak menerima daripada wang awam saraan yang Menteri boleh menentukan.

(5) Tiada apa-apa jua pun dalam seksyen ini boleh—

(a) disifatkan menghendaki suatu siasatan diadakan sebelum mendakwa mana-mana orang bagi apa-apa pelanggaran Akta ini atau bagi kegagalan untuk mematuhi apa-apa perintah sah yang diberikan oleh Pemeriksa; atau

(b) menyentuh mana-mana undang-undang berhubungan dengan siasatan ke atas kematian mana-mana orang.

## BAHAGIAN V

NOTIS MENDUDUKI KILANG, DAN PENDAFTARAN  
DAN PENGGUNAAN JENTERA**Pengendalian kilang**

**34.** (1) Tiap-tiap orang yang pada mula kuat kuasa Akta ini menduduki atau mengguna mana-mana premis sebagai suatu kilang hendaklah—

- (a) dalam tempoh tiga bulan dari tarikh itu mengemukakan kepada Ketua Pemeriksa apa-apa butir sebagaimana yang boleh ditetapkan; dan selepas itu;
- (b) dalam tempoh enam bulan apabila dikehendaki berbuat demikian oleh Ketua Pemeriksa mengemukakan apa-apa butir lanjut sebagaimana yang ditetapkan.

(2) (a) Tiada seorang pun boleh kecuali dengan kebenaran bertulis Pemeriksa, mula menggunakan mana-mana premis sebagai kilang sehingga satu bulan selepas dia menyampaikan kepada Pemeriksa suatu notis bertulis mengikut bentuk yang ditetapkan.

(b) Subseksyen ini tidak terpakai bagi mana-mana orang yang mengambil alih sesuatu kilang daripada orang lain jika tiada perubahan dalam sifat kerja yang dijalankan di dalam kilang itu dengan syarat bahawa orang pertama itu hendaklah dalam tempoh satu bulan dari pengambilalihan itu menyampaikan kepada Pemeriksa notis bertulis mengikut bentuk yang ditetapkan.

(3) Seksyen ini tidaklah terpakai bagi pengendalian bangunan dan kerja binaan kejuruteraan.

**Pengendalian bangunan atau kerja binaan kejuruteraan**

**35.** (1) Tiap-tiap orang yang menjalankan apa-apa pengendalian bangunan atau kerja binaan kejuruteraan hendaklah tidak lewat dari

tujuh hari dari bermulanya pengendalian itu menyampaikan kepada Pemeriksa notis bertulis mengikut bentuk yang ditetapkan.

(2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi—

- (a) pengendalian bangunan atau kerja binaan kejuruteraan yang penjalanannya tidak melibatkan penggunaan jentera dan orang yang menjalankannya mempunyai alasan untuk mempercayai kerja itu boleh disiapkan dalam tempoh kurang dari enam minggu; dan
- (b) seseorang yang menjalankan apa-apa pengendalian dalam suatu tempat yang pengendalian bangunan atau kerja binaan kejuruteraan sedang dijalankan yang berkenaan dengan notis telah diberikan di bawah subseksyen (1).

### **Pemasangan jentera, dsb.**

**36.** (1) Tiada seorang pun boleh memasang atau menyebabkan dipasang—

- (a) apa-apa jentera di dalam mana-mana kilang; atau
- (b) apa-apa jentera yang berkenaan dengannya perakuan kelayakan ditetapkan,

kecuali dengan kebenaran bertulis Pemeriksa.

(2) Bagi maksud mendapatkan kelulusan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dikemukakan kepada Pemeriksa apa-apa butir-butir sebagaimana yang boleh ditetapkan.

(3) Apabila mana-mana jentera yang berkenaan dengannya suatu perakuan kelayakan ditetapkan telah dipasang, suatu notis bertulis hendaklah disampaikan oleh penghuni atau pemunya kilang itu pada—

- (a) Pemeriksa, yang dengan seberapa segera yang boleh, membuat pemeriksaan terhadap jentera itu; atau
  - (b) orang berlesen jika berkenaan, yang hendaklah dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan notis bertulis itu membuat suatu pemeriksaan ke atas jentera itu.
- (4) Jika, apabila, pemeriksaan dilakukan, Pemeriksa atau orang berlesen itu mendapati bahawa jentera itu—
  - (a) mematuhi kehendak di bawah Akta ini, Pemeriksa atau orang berlesen itu hendaklah mengeluarkan apabila dibayar fi yang ditetapkan suatu perakuan kelayakan dalam borang yang ditetapkan yang menyatakan bahawa jentera itu telah lulus pemeriksaan pada tarikh pemeriksaan itu; atau
  - (b) tidak mematuhi kehendak, penghuni atau pemunya kilang itu hendaklah membayar kepada Kerajaan atau orang berlesen apa-apa bayaran sebagaimana yang ditetapkan untuk perkhidmatan yang diberikan walaupun perakuan kelayakan tidak dikeluarkan.
- (5) Jika perakuan kelayakan tidak dikeluarkan, Pemeriksa atau orang berlesen itu hendaklah menyatakan alasan bagi keengganan itu.
- (6) Seseorang yang terkilang dengan keengganan Pemeriksa atau orang berlesen untuk mengeluarkan perakuan kelayakan boleh merayu kepada Ketua Pemeriksa, dan atas rayuan itu, Ketua Pemeriksa hendaklah menyebabkan suatu pemeriksaan semula dijalankan atas perbelanjaan orang yang terkilang itu dan selepas pemeriksaan semula itu boleh mengeluarkan atau enggan mengeluarkan suatu perakuan kelayakan.
- (7) Keputusan Ketua Pemeriksa di bawah subseksyen (6) adalah muktamad.

(8) Orang berlesen hendaklah mengambil khidmat hanya seseorang dengan kelayakan dan kecekapan yang ditetapkan untuk menjalankan pemeriksaan dan untuk mengeluarkan perakuan kelayakan di bawah seksyen ini.

### **Permohonan untuk pendaftaran**

**37.** (1) Tiap-tiap orang yang mendapat milikan mana-mana jentera yang berkenaan dengannya suatu perakuan kelayakan ditetapkan, hendaklah menghantar kepada Pemeriksa dan orang berlesen apa-apa butir mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan, jika disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Daftar**

**38.** (1) Hendaklah disimpan di tiap-tiap kilang suatu daftar mengikut bentuk yang ditetapkan yang dikenali sebagai daftar am dan hendaklah dicatatkan ke dalam atau dilampirkan kepada daftar itu semua butir yang ditetapkan.

(2) Penghuni tiap-tiap kilang hendaklah menghantar kepada Pemeriksa atau orang berlesen cabutan daripada daftar am yang dikehendaki oleh Pemeriksa atau orang berlesen itu dari semasa ke semasa bagi maksud melaksanakan kewajipannya di bawah Akta ini.

(3) Daftar am dan tiap-tiap daftar lain atau rekod atau perakuan yang disimpan menurut Akta ini hendaklah dipelihara dan hendaklah tersedia ada bagi pemeriksaan oleh mana-mana Pemeriksa untuk sekurang-kurangnya dua tahun atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang ditetapkan bagi apa-apa kelas atau perihalan daftar atau rekod, selepas tarikh catatan terakhir dalam daftar atau rekod.

(4) Orang berlesen hendaklah hanya mempunyai akses kepada maklumat dalam daftar am dan apa-apa daftar lain atau rekod atau perakuan yang disimpan menurut Akta ini yang berkaitan dengan jentera yang berkenaan dengannya suatu perakuan kelayakan ditetapkan.

**Perpindahan atau pengubahan atau penambahan kepada jentera hendaklah diluluskan**

**39.** (1) Tiada seorang pun boleh memindahkan, mengubah atau menambahkan kepada atau menyebabkan supaya dipindahkan, diubah atau ditambahkan kepada, mana-mana jentera yang dipasang untuk digunakan jika keberkesanan apa-apa pagar atau mana-mana alat keselamatan terjejas oleh perpindahan, pengubahan atau penambahan itu, melainkan jika dia telah menerima kelulusan secara bertulis mengenainya daripada Pemeriksa. Bagi maksud kelulusan itu, hendaklah dikemukakan kepada Pemeriksa butir-butir mengenai perpindahan, pengubahan atau penambahan yang dicadangkan itu dan mengenai pengubahsuaian yang dicadangkan kepada pagar dan alat keselamatan bersama-sama dengan nama dan alamat orang yang akan menjalankan perpindahan, pengubahan atau penambahan tersebut dan suatu lakaran yang menunjukkan butiran pengubahsuaian itu.

(2) Penghuni kilang itu hendaklah memberitahu Pemeriksa secara bertulis sebaik sahaja perpindahan, pengubahan atau penambahan yang disebut dalam subseksyen (1) telah diselesaikan.

(3) Jika jentera itu tidak mematuhi kehendak Akta ini, Pemeriksa hendaklah melalui notis secara bertulis menyampaikan kepada penghuni atau jika ini tidak dapat dilaksanakan, menampalkan notis itu pada premis tempat jentera yang dimaksudkan dalam notis berkaitan dipasang, menghendaki apa-apa kerosakan sebagaimana yang dinyatakan olehnya dibaiki atau dihapuskan dalam tempoh yang dinyatakan olehnya dalam notis itu dan jentera itu tidak boleh dikendalikan selepas habis tempoh itu melainkan jika kerosakan itu telah dibaiki atau dihapuskan hingga memuaskan hati Pemeriksa yang hendaklah selepas itu, apabila dibayar fi yang ditetapkan,

membenarkan penggunaannya dan jika berkenaan mengendors perakuan kelayakan itu:

Dengan syarat bahawa jika Pemeriksa berpendapat bahawa kerosakan itu mungkin menyebabkan bahaya serta-merta kepada nyawa atau harta, dia hendaklah melalui notis yang disampaikan atau ditampalkan seperti yang disebut terdahulu melarang pengendalian jentera itu sehingga kerosakan itu dibaiki atau dihapuskan, dan dalam hal itu jentera itu tidak boleh dikendalikan selagi larangan itu tidak dibatalkan:

Dan dengan syarat selanjutnya bahawa Pemeriksa boleh dalam hal sedemikian menyebabkan jentera itu tidak boleh dikendalikan melalui apa-apa cara yang disifatkannya paling sesuai bagi maksud itu.

### **Pemeriksaan berkala**

**40.** (1) Semua kilang dan jentera yang berkenaan dengannya suatu perakuan kelayakan tidak ditetapkan hendaklah diperiksa oleh Pemeriksa pada tempoh tertentu dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditetapkan.

(1A) Semua jentera yang berkenaan dengannya suatu perakuan kelayakan ditetapkan hendaklah diperiksa oleh Pemeriksa atau orang berlesen pada tempoh tertentu dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Penghuni tiap-tiap kilang dan pemunya atau orang yang mempunyai milikan terhadap mana-mana jentera hendaklah memberi Pemeriksa segala kemudahan yang munasabah bagi pemeriksaan dan segala maklumat yang semunasabahnya dikehendaki yang berkaitan dengannya.

(2A) Bagi maksud subseksyen (1A), penghuni tiap-tiap kilang dan pemunya atau orang yang mempunyai milikan terhadap mana-mana jentera yang berkenaan dengannya suatu perakuan kelayakan ditetapkan hendaklah memberi Pemeriksa atau orang berlesen segala

kemudahan yang munasabah bagi pemeriksaan dan ujian dan segala maklumat yang semunasabahnya dikehendaki yang berkaitan dengan pemeriksaan itu.

(3) Tiap-tiap jurutera dan ketua kapal korek yang menjaga mana-mana jentera dan tiap-tiap penghuni sesuatu kilang, hendaklah sebaik sahaja dia menyedari tentang apa-apa kerosakan dalam kilang itu yang mungkin menyebabkan kecederaan badan kepada mana-mana orang atau kerosakan kepada mana-mana harta, membaiki atau menghapuskan kerosakan yang dinyatakan itu, dan jika jurutera, ketua kapal korek atau penghuni itu tidak boleh membaiki atau menghapuskan kerosakan tersebut dia hendaklah berhenti mengendalikan jentera itu atau menggunakan bahagian atau bahagian-bahagian daripada kilang itu dan dengan serta-merta membuat laporan mengenainya kepada seseorang Pemeriksa.

(4) Jika pada pendapat seseorang Pemeriksa penggunaan mana-mana bahagian daripada laluan atau tempat kerja di dalam sesuatu kilang, atau jentera, sama ada suatu perakuan kelayakan ditetapkan atau tidak ditetapkan berkenaan dengan jentera itu, mungkin menyebabkan kecederaan badan kepada mana-mana orang atau kerosakan kepada mana-mana harta, dia hendaklah melalui notis bertulis menyampaikan kepada penghuni atau jika ini tidak dapat dilaksanakan, menampalkan notis itu pada premis tempat jentera yang dimaksudkan dalam notis dipasang menghendaki kerosakan itu dibaiki atau dihapuskan dalam tempoh yang hendaklah dinyatakan olehnya dalam notis itu dan dalam tiap-tiap hal itu bahagian daripada laluan atau tempat kerja dalam kilang itu tidak boleh digunakan atau jentera itu tidak boleh dikendalikan selepas habis tempoh itu melainkan jika kerosakan itu telah dibaiki atau dihapuskan hingga memuaskan hati Pemeriksa yang dinyatakan secara bertulis:

Dengan syarat bahawa jika Pemeriksa berpendapat bahawa kerosakan itu mungkin menyebabkan bahaya serta-merta kepada nyawa atau harta, dia hendaklah melalui notis menyampaikan atau menampalkan notis itu seperti yang disebut terdahulu dengan segera melarang pengendalian dan penggunaan jentera tersebut sehingga kerosakan itu dibaiki atau dihapuskan hingga memuaskan hati Pemeriksa yang dinyatakan secara bertulis:

Dan dengan syarat selanjutnya bahawa Pemeriksa boleh dalam hal sedemikian menyebabkan jentera itu tidak boleh dikendalikan melalui apa-apa cara yang disifatkannya paling sesuai bagi maksud itu.

(5) Mana-mana pemunya kilang atau penghuni boleh memohon kepada Ketua Pemeriksa untuk kelulusan bagi suatu skim pemeriksaan khas.

(6) Ketua Pemeriksa boleh meluluskan permohonan di bawah subseksyen (5) jika dia berpuas hati bahawa kehendak yang ditetapkan yang berkenaan dengan jentera yang dipersoalkan berhubung dengan skim pemeriksaan itu telah dipenuhi.

(7) Apabila kelulusan di bawah subseksyen (6) itu diberikan, pemeriksaan terhadap jentera itu hendaklah dijalankan mengikut skim pemeriksaan khas itu.

(8) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen 40(3) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

#### **Soalan untuk diputuskan oleh Pemeriksa dan rayuan daripada keputusan itu**

**41.** (1) Mana-mana orang yang terkilang dengan mana-mana perintah yang dibuat oleh Pemeriksa atau apa-apa keputusan yang dibuat oleh orang berlesen di bawah Akta ini boleh dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh perintah itu atau keputusan merayu kepada seseorang Pemeriksa Kanan yang boleh selepas menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh orang itu melalui perintah secara bertulis mengesahkan, membatalkan atau mengubah perintah itu atau keputusan.

(2) Mana-mana orang yang terkilang dengan apa-apa perintah yang dibuat oleh Pemeriksa Kanan di bawah subseksyen (1) atau selainnya di bawah Akta ini boleh dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh perintah merayu kepada Ketua Pemeriksa yang hendaklah

merujuknya kepada suatu Lembaga Rayuan yang ditubuhkan di bawah seksyen ini.

(3) Lembaga Rayuan boleh selepas mendengar apa-apa keterangan sebagaimana yang difikirkannya perlu dan menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat mengesahkan, membatalkankan atau mengubah perintah yang dibuat oleh Pemeriksa Kanan.

(4) (a) Menteri hendaklah melantik suatu Lembaga Rayuan bagi maksud menimbangkan apa-apa rayuan yang dibuat di bawah seksyen ini.

(b) Suatu Lembaga Rayuan hendaklah terdiri daripada Ketua Pemeriksa atau Timbalan Ketua Pemeriksa sebagai Pengerusi dan dua orang anggota yang dinamakan oleh Menteri, yang pada pendapatnya, mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas dalam perkara yang berhubung dengan hal perkara rayuan itu.

(c) Semua soalan yang menghendaki keputusan oleh Lembaga Rayuan hendaklah diputuskan mengikut suara terbanyak Lembaga itu.

(d) Suatu salinan keputusan Lembaga Rayuan, mengenai suatu rayuan yang dirujuk kepadanya, yang diperakukan oleh Pengerusi, hendaklah disampaikan tanpa kelengahan kepada orang yang membuat rayuan itu.

(da) Keputusan Lembaga Rayuan itu adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

(e) Tiap-tiap anggota Lembaga Rayuan boleh dibayar elaun pada apa-apa kadar sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(5) Pemeriksa Kanan dalam hal suatu rayuan di bawah subseksyen (1) atau Ketua Pemeriksa dalam hal suatu rayuan di bawah subseksyen (2) boleh mengarahkan supaya perintah yang terhadapnya rayuan dibuat digantung sementara menunggu keputusan rayuan itu.

**Laporan tentang pertukaran, dsb.**

42. Adalah menjadi tugas penghuni mana-mana kilang untuk melaporkan kepada Pemeriksa apa-apa perubahan binaan di dalam kilang atau apa-apa perubahan nama kilang atau jenis kerja yang dijalankan dalamnya.

**Jentera atau kilang yang tidak lagi digunakan**

43. Adalah menjadi kewajipan mana-mana penghuni yang berhenti menggunakan mana-mana premis sebagai suatu kilang atau apa-apa jentera untuk memberitahu Pemeriksa mengenai pemberhentian itu dalam masa tiga puluh hari.

**Notis penjualan, penyewaan atau pindah hak milik**

44. (1) Mana-mana pemunya yang hendak menjual, menyewakan atau memindah hak milik apa-apa jentera secara tetap atau sementara kepada mana-mana orang yang baginya suatu perakuan kelayakan telah dikeluarkan hendaklah, dalam tempoh sepuluh hari selepas penjualan, penyewaan atau pemindahan hak milik itu, memberi notis secara bertulis mengenainya kepada seseorang Pemeriksa dan orang berlesen.

(2) Mana-mana orang yang merupakan seorang yang membeli untuk dijual semula jentera terpakai yang baginya suatu perakuan kelayakan ditetapkan, hendaklah, dalam tempoh sepuluh hari selepas penjualan semula mana-mana jentera sedemikian, memberikan notis secara bertulis mengenainya kepada seseorang Pemeriksa dan orang berlesen mengikut cara yang ditetapkan.

**Salinan laporan siasatan boleh dibekalkan**

45. Mana-mana orang yang ada kaitan dengan apa-apa siasatan yang dijalankan di bawah Akta ini, berhak, apabila dibayar fi yang

ditetapkan, menerima suatu salinan keterangan yang diambil semasa, dan keputusan mengenai, siasatan itu.

### **Kuasa Ketua Pemeriksa dan Pemeriksa Kanan semasa siasatan**

**46.** Bagi maksud mengadakan siasatan di bawah Akta ini, Ketua Pemeriksa dan Pemeriksa Kanan hendaklah mempunyai kuasa untuk mengendalikan sumpah dan ikrar dan hendaklah diletakhakkan dengan kuasa Majistret Kelas Pertama untuk memaksa kehadiran saksi, pengemukaan dokumen, pemeliharaan ketenteraman dan selainnya untuk menjalankan siasatan tersebut dengan sewajarnya, dan semua orang yang dipanggil untuk menghadiri mana-mana siasatan itu adalah di sisi undang-undang untuk menghadirinya.

## **BAHAGIAN VI**

### **AM**

### **Liabiliti jenayah atau sivil tidak tersentuh**

**47.** Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh berkuat kuasa untuk melepaskan mana-mana pemunya, penghuni, jurutera, ketua kapal korek, drebar atau orang lain daripada apa-apa liabiliti sivil atau jenayah.

### **Perlindungan terhadap liabiliti diri**

**47A.** Tertakluk kepada peruntukan Akta ini dan apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, tiada Pemeriksa atau orang berlesen boleh bertanggung sendiri bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh tindakannya atau peninggalannya dalam menjalankan kewajipan di bawah Akta ini atau apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, melainkan jika kerugian atau kerosakan itu disebabkan dengan sengaja atau melalui

perbuatan melulu atau kecuiaan di pihak Pemeriksa atau orang berlesen.

## **Fi**

**48.** (1) Semua fi yang kena dibayar di bawah Akta ini hendaklah dibayar mengikut cara dan dalam tempoh yang ditetapkan.

(2) Apa-apa fi yang kena dibayar dan genap masa kepada Kerajaan di bawah Akta ini hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada dan boleh didapatkan oleh Kerajaan.

(3) Apa-apa fi yang kena dibayar dan genap masa kepada orang berlesen di bawah Akta ini hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada dan boleh didapatkan oleh orang berlesen.

## **Kuasa Ketua Pemeriksa**

**49.** Jika Ketua Pemeriksa berpuas hati berkenaan dengan mana-mana kilang tertentu atau bahagiannya atau apa-apa proses tertentu bahawa apa-apa kehendak mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini tidak perlu, setelah mengambil kira semua hal keadaan, dipatuhi atau pematuhan kepada kehendak itu semunasabahnya tidak dapat dilaksanakan, dia boleh dengan perakuan bertulis, yang dia boleh selepas notis itu sebagaimana yang dianggapnya munasabah dalam hal keadaan itu membatalkan, mengecualikan kilang atau bahagian atau proses daripada mematuhi kehendak itu tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam perakuan tersebut.

## **Kesalahan**

**50.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) hingga (4) jika seseorang penghuni sesuatu kilang melanggar Akta ini dia melakukan suatu kesalahan.

(2) Jika pelanggaran seperti yang disebut terdahulu ialah pelanggaran yang berkenaan dengan pemunya oleh atau di bawah Akta ini dipertanggungjawabkan, pemunya itu melakukan suatu kesalahan.

(3) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), bilamana dibuktikan dengan memuaskan hati mahkamah bahawa suatu pelanggaran Akta ini telah dilakukan oleh mana-mana orang selain penghuni atau pemunya kilang atau jentera yang berkenaan dengannya pelanggaran itu telah dilakukan, pemunya atau penghuni, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah juga bertanggung bagi pelanggaran itu, dan kepada penalti yang diperuntukkan baginya, melainkan jika dia membuktikan dengan memuaskan hati mahkamah bahawa pelanggaran itu dilakukan tanpa pengetahuan atau keizininannya dan dia telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk menghalang pelanggaran itu dan untuk menjamin pematuhan Akta ini:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua yang terkandung dalam seksyen ini boleh disifatkan mengecualikan orang yang mula-mula disebut itu daripada liabiliti berkenaan dengan mana-mana penalti yang diperuntukkan oleh Akta ini bagi apa-apa pelanggaran yang dibuktikan telah dilakukan olehnya.

(4) Jika penghuni atau pemunya sesuatu kilang atau jentera memperoleh mana-mana kecualian yang dibenarkan oleh atau di bawah Akta ini dan gagal untuk mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan kepada kecualian itu, dia melakukan suatu kesalahan.

## **Penalti**

**51.** (1) Mana-mana orang yang melanggar seksyen 31, subseksyen 34(1), 36(1), 38(1) dan 39(1), melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan lain Akta atau apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang pelanggarannya tiada penalti diperuntukkan secara nyata, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(3) Jika kesalahan yang mana-mana orang disabitkan ialah kesalahan yang berterusan, orang itu hendaklah, sebagai tambahan kepada hukuman yang dikenakan berkenaan dengan kesalahan itu, selanjutnya didenda tidak melebihi dua ribu ringgit bagi setiap hari atau sebahagian daripada suatu hari yang kesalahan itu berterusan selepas hari pertama berkenaan dengannya sabitan itu direkodkan.

(4) Mana-mana orang yang tanpa alasan yang munasabah gagal untuk mematuhi apa-apa perintah bertulis atau notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen 39(3) atau 40(4) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan didenda selanjutnya tidak melebihi dua ribu ringgit bagi setiap hari atau sebahagian daripada hari yang berkenaan dengannya sabitan itu direkodkan.

### **Bidang kuasa membicarakan kesalahan**

**51A.** Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang bertentangan, Mahkamah Majistret Kelas Pertama hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini dan mengenakan hukuman penuh bagi mana-mana kesalahan sedemikian.

### **Permulaan pendakwaan**

**52.** Tiada pendakwaan yang berkenaan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

**Kuasa untuk mengkompaun kesalahan**

**52A.** (1) Ketua Pemeriksa atau mana-mana Timbalan Ketua Pemeriksa atau mana-mana Pemeriksa Kanan yang dilantik di bawah subseksyen 4(1) boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengkompaunkan mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang yang boleh dihukum di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Ketua Pemeriksa atau mana-mana Timbalan Ketua Pemeriksa atau mana-mana Pemeriksa Kanan boleh, dalam hal yang difikirkannya layak dan sesuai untuk berbuat demikian, mengkompaunkan sesuatu kesalahan dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu dengan membayar kepada Ketua Pemeriksa atau Timbalan Ketua Pemeriksa atau Pemeriksa Kanan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, sejumlah wang yang dinyatakan dalam tawaran itu, yang tidak boleh melebihi lima puluh peratus daripada jumlah maksimum denda itu (termasuk denda harian, jika ada, dalam hal kesalahan yang berterusan) yang orang itu akan-bertanggungjawab jika dia disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Suatu tawaran di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau dalam tempoh lanjutan yang boleh diberikan oleh Ketua Pemeriksa atau Timbalan Ketua Pemeriksa atau Pemeriksa Kanan, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (2) tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat.

(5) Apa-apa wang yang dibayar kepada Ketua Pemeriksa atau

Timbalan Ketua Pemeriksa atau Pemeriksa Kanan di bawah subseksyen (2) hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

### **Kuasa untuk mengubah suai perjanjian**

53. Jika oleh sebab suatu perjanjian antara pemunya dengan penghuni premis keseluruhan atau mana-mana bahagiannya yang telah disewakan sebagai kilang, pemunya atau penghuni tersebut dicegah daripada menjalankan apa-apa perubahan struktur atau perubahan lain di dalam premis itu yang perlu untuk membolehkannya mematuhi Akta ini atau supaya menepati apa-apa standard atau kehendak yang dikenakan oleh atau di bawah Akta ini, dia boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi supaya terma perjanjian itu dibatalkan atau diubah suai; dan Mahkamah, selepas mendengar pihak-pihak dan mana-mana saksi yang hendak panggil oleh mereka, boleh membuat suatu perintah yang mengetepikan atau mengubah suai terma perjanjian itu sebagaimana yang anggap oleh mahkamah adil dan saksama dalam hal keadaan kes itu.

### **Kuasa untuk mengumpulkan perbelanjaan**

54. Jika dalam mana-mana premis yang keseluruhan atau mana-mana bahagiannya telah disewakan sebagai kilang, apa-apa perubahan struktur atau perubahan lain dikehendaki untuk mematuhi Akta ini atau untuk menepati apa-apa standard atau kehendak yang dikenakan oleh atau di bawah Akta ini, dan pemunya atau penghuni, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengatakan bahawa keseluruhan atau sebahagian daripada perbelanjaan perubahan patut ditanggung oleh penghuni atau pemunya, pemunya atau penghuni itu boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi supaya perbelanjaan perubahan itu diumpukkan antara mereka; dan Mahkamah, selepas mendengar pihak-pihak dan mana-mana saksi yang hendak panggil oleh mereka, boleh membuat suatu perintah mengenai pengumpulan perbelanjaan itu sebagaimana yang dianggap oleh Mahkamah adil dan saksama dalam hal keadaan kes itu, perhatian hendaklah diberi kepada terma mana-mana kontrak antara pihak, atau sebagai

alternatif, Mahkamah boleh, atas permintaan pemunya atau penghuni itu, menamatkan pajakan itu.

### **Pengecualian**

55. (1) Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini boleh terpakai bagi—

(a) mana-mana kilang atau jentera yang dikendalikan—

(i) oleh angkatan tentera; atau

(ii) melalui perjanjian dengan Kerajaan oleh mana-mana angkatan pelawat yang berada secara sah di Malaysia; atau

(b) mana-mana jentera yang tertakluk kepada undang-undang yang berhubungan dengan perkapalan saudagar.

(2) Mana-mana kilang dan jentera yang dikendalikan oleh—

(a) Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan tiap-tiap negeri hendaklah dikecualikan daripada peruntukan—

(i) keseluruhan seksyen 34, 35, 38, 48; dan

(ii) seksyen 36, 37, 39, 40, 43, hanya berkenaan dengan jentera selain dandang stim, penerima stim, bejana tekanan berapi, bejana tekanan tidak berapi dan lif; dan

(b) *(Dipotong oleh Akta A1268).*

(3) Menteri boleh, melalui perintah, mengecualikan sama ada secara bersyarat atau mutlak mana-mana kilang atau jentera atau kelas kilang atau jentera daripada semua atau mana-mana peruntukan

Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya dan boleh mengikut cara yang sama membatalkan atau mengubah mana-mana pengecualian itu.

### **Peraturan-peraturan**

**56.** (1) Menteri, boleh membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan apa-apa perkara yang boleh ditetapkan di bawah Akta ini dan khususnya—

- (a) menetapkan tugas Ketua Pemeriksa dan mana-mana pegawai yang dilantik di bawah seksyen 4 dan kewajipan orang berlesen;
- (b) menetapkan rekod untuk disimpan berkenaan dengan jentera dan kilang dan berkenaan dengan pemeriksaan, perakuan dan apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan Akta ini dan bentuknya dan orang yang menyimpan rekod itu;
- (c) menetapkan standard kebersihan yang hendaklah dipatuhi dan cara membuang wasap atau debu yang memudaratkan dan berbahaya yang berbangkit daripada proses tertentu di dalam kilang, atau kelas atau perihalan kilang dan langkah khas yang kena diambil untuk memastikan kesihatan orang yang diambil kerja di dalamnya;
- (ca) menetapkan standard kebersihan dan had pendedahan yang dibenarkan untuk dipatuhi dan cara membuang atau mengawal kemudaratkan dan keberhayaan fizikal, biologi atau kimia berbahaya yang timbul daripada proses dalam kilang, atau kelas kilang atau perihalan kilang tertentu dan langkah khas yang kena diambil yang boleh termasuk pengawasan pendedahan pekerja, bagi melindungi kesihatan orang yang diambil khidmat dalam kilang itu;

- (d) berkenaan dengan apa-apa perkara yang ternyata pada Menteri suai manfaat bagi keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang diambil kerja untuk mengendalikan jentera atau diambil untuk bekerja di kilang;
- (e) menentukan kelas-kelas jentera yang baginya perakuan kelayakan diperlukan dan memerintahkan larangan penggunaan jentera yang diisytiharkan tidak selamat, dan penandaan dan pelupusan jentera yang diisytiharkan tidak selamat;
- (f) menetapkan cara menghitung tekanan kerja yang selamat bagi dandang stim dan bejana tekanan tidak berapi dan silinder gas, kuasa kuda bagi penggerak utama dan beban kerja yang selamat bagi mesin angkat dan takal;
- (g) menetapkan masa bila mana dan tentang cara kelas jentera tertentu perlu diperiksa dan untuk memberikan kuasa kepada Ketua Pemeriksa bagi menentukan masa bila mana dan tentang cara kilang dan jentera perlu diperiksa, notis, jika ada, yang kena diberikan berhubung dengan pemeriksaan dan persediaan yang kena dibuat bagi pemeriksaan itu;
- (ga) menetapkan kehendak, tatacara dan fi pemprosesan berkenaan dengan kelulusan suatu pemeriksaan skim khas;
- (h) menetapkan kelayakan untuk dimiliki oleh, tatacara bagi pendaftaran, pembaharuan pendaftaran dan pembatalan pendaftaran, kewajipan dan fi pemprosesan untuk dibayar oleh dan daftar untuk diselenggara oleh—
  - (i) mana-mana orang yang sebelum mereka boleh dilantik untuk menjaga atau diberi kepercayaan

bagi menjaga atau menguruskan atau mengendalikan apa-apa jentera yang ditentukan;

- (ii) mana-mana orang yang membuat, memasang siap, memasang, menguji, menyenggara, membuka, atau memperbaiki apa-apa jentera tertentu sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 29A;
  - (iii) mana-mana orang yang menjalankan pengawasan persekitaran termasuklah pengawasan bunyi dan pengujian audiometrik; dan
  - (iv) mana-mana orang yang menjalankan pemeriksaan, pengujian dan penelitian ke atas peralatan kawalan;
- (i) menetapkan jenis peperiksaan bagi perakuan kekompetenan sebagai jurutera, ketua kapal korek dan drebar, bentuk perakuan itu, cara dan syarat pengeluarannya, dan fi yang kena dibayar bagi peperiksaan dan perakuan dan menetapkan cara dan hal keadaan yang perakuan kekompetenan itu boleh digantung, dikenselkan atau diubah;
- (j) menetapkan fi dan cara yang melaluinya fi hendaklah dibayar berkenaan dengan pemeriksaan kilang dan jentera dan pendaftaran jentera yang memerlukan perakuan kelayakan bagi pengendalian, perakuan kekompetenan dan apa-apa perakuan lain, bentuk perakuan itu, cara dan syarat pengeluarannya, pelanjutan, penggantungan, pembatalannya dan pengkenselannya dan tempoh yang mana-mana perakuan itu hendaklah terus berkuat kuasa;
- (ja) menetapkan kehendak, tatacara, dan fi pemprosesan

berkenaan dengan kelulusan apa-apa peralatan bagi pengawasan persekitaran termasuklah pengawasan bunyi, peralatan dan kemudahan pengujian audiometrik, peralatan perlindungan perseorangan atau makmal bagi analisis;

- (k) menetapkan cara mengadakan siasatan di bawah seksyen 33;
- (ka) menetapkan kelayakan dan standard kekompetenan pekerja orang berlesen di bawah subseksyen 36(8);
- (kb) menetapkan apa-apa terma, syarat atau fi bagi mana-mana orang untuk memperoleh apa-apa lesen untuk membuat, memasang siap, memasang, mengimport, membekalkan, memeriksa atau menyelenggara dan membuka dandang, bejana tekanan tidak berapi dan jentera pengangkat daripada Ketua Pemeriksa; dan
- (l) berkenaan dengan apa-apa perkara lain yang ternyata pada Menteri suai manfaat bagi menjalankan Akta ini dengan lebih baik.

(2) Jika ternyata pada Menteri bahawa memandangkan bilangan dan jenis kemalangan yang berlaku dalam mana-mana kilang atau kelas atau perihalan kilang, peruntukan khas patut dibuat di kilang itu atau kilang-kilang daripada kelas atau perihalan itu untuk menjamin keselamatan orang di dalamnya, dia boleh membuat peraturan-peraturan khas yang ternyata padanya sebagai munasabah yang menghendaki penghuni itu membuat peruntukan khas sedemikian bagi pengawasan berkenaan dengan keselamatan, penyiasatan hal keadaan dan sebab kemalangan dan selainnya sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan itu.

(3) Jika sebahagian daripada suatu bangunan disewakan sebagai suatu kilang berasingan, Menteri boleh membuat peraturan-peraturan untuk mengubah suai pemakaian Akta yang menyatakan orang, iaitu pemunya bangunan atau penghuni kilang itu, yang atasnya apa-apa kewajipan dikenakan, atau hak diberikan, oleh masing-masing

peruntukan Akta setakat yang peruntukan itu terpakai, dan liabiliti bagi apa-apa pelanggaran terhadapnya.

### **Pengawasan perubatan**

57. Jika ternyata pada Menteri bahawa dalam mana-mana kilang atau kelas atau perihal kilang—

- (a) kes penyakit telah berlaku yang dia ada sebab untuk mempercayai mungkin disebabkan oleh jenis proses atau keadaan kerja lain;
- (b) kemungkinan ada risiko kemudaratan kepada kesihatan orang yang diambil kerja dalam mana-mana proses; atau
- (c) orang yang berumur di bawah lapan belas tahun adalah, atau hampir diambil kerja dalam kerja yang mungkin menyebabkan risiko kemudaratan kepada kesihatan,

dia boleh membuat peraturan-peraturan yang menghendaki perkiraan dibuat bagi pengawasan perubatan atau penyediaan rawatan perubatan bersifat pencegahan bagi orang, atau mana-mana kelas orang, yang diambil kerja di kilang itu atau kelas atau perihalan kilang yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan itu.

### **Pemansuhan**

58. Ordinan Jentera 1953 [*F.M. Ord 18 of 1953*] dan Ordinan Jentera Negeri Sabah [*Sabah Bab 75*] dan semua peraturan yang dibuat di bawahnya dengan ini dimansuhkan:

Dengan syarat bahawa—

- (a) apa-apa pelantikan yang dibuat dan apa-apa pengecualian yang diberi di bawah Ordinan yang disebut terdahulu hendaklah, setakat yang ia selaras dengan Akta ini, disifatkan telah dibuat atau diberikan

oleh Akta ini dan jika terpakai di bawah peruntukan Akta ini, hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan atau digantikan oleh apa-apa pelantikan atau pengecualian yang dibuat di bawah Akta ini;

- (b) apa-apa perakuan atau permit bertulis untuk mengendalikan mana-mana jentera yang diberikan di bawah Ordinan yang disebut terdahulu hendaklah terus sah seolah-olah ia telah diberikan di bawah Akta ini; dan jika berkenaan hendaklah berkuat kuasa bagi tempoh yang dinyatakan dalamnya:

Dengan syarat selanjutnya bahawa, berkenaan dengan Negeri Sabah, seksyen ini tidak mempunyai kuat kuasa sehinggalah semua peruntukan Akta ini berkuat kuasa di Negeri itu.

### **Pindaan Jadual**

**59.** Menteri boleh, pada bila-bila masa melalui perintah, meminda mana-mana Jadual.

---

JADUAL PERTAMA

KEJADIAN BERBAHAYA

[Subseksyen 3]

1. Kepecahan suatu bejana berputar, roda, batu canai atau roda canai yang digerakkan oleh kuasa mekanik.
2. Keruntuhan atau kegagalan kren, derik, win, pengangkat, kerangka cerucuk atau perkakas lain yang digunakan untuk mengangkat atau menurunkan orang atau barang, atau mana-mana bahagian daripadanya (kecuali putusny rantai atau tali anduhan) atau terbaliknya kren.
3. Letupan atau kebakaran atau kegagalan struktur yang menjejaskan keselamatan atau kekuatan mana-mana bilik atau tempat di mana orang diambil kerja, atau kepada mana-mana jentera atau loji yang terkandung di dalamnya.
4. Letupan atau kegagalan struktur yang menjejaskan keselamatan atau kekuatan dandang stim atau bejana tekanan tak berapi, kehilangan air dandang, peleburan palam boleh lakur dan kepecahan tiub.

---

JADUAL KEDUA

KECEDERAAN BADAN YANG TERUK

[Seksyen 3]

1. Emaskulasi.
2. Kehilangan kekal penglihatan salah satu mata.
3. Kehilangan kekal pendengaran salah satu telinga.
4. Kehilangan mana-mana anggota atau sendi.
5. Kemusnahan atau kerosakan kekal kekuatan mana-mana anggota atau sendi.
6. Kecacatan kekal kepala atau muka.
7. Patah atau terkehel suatu tulang.

8. Apa-apa kecederaan yang membahayakan nyawa, atau yang menyebabkan bakal pengidap, dalam tempoh dua puluh hari, dalam kesakitan tubuh badan yang teruk, atau tak berupaya menjalankan kerjanya yang biasa.

---

JADUAL KETIGA

PENYAKIT PEKERJAAN YANG KENA DIBERITAHU

[Seksyen 32]

1. Penyakit debu pada paru-paru:

- (a) Silikosis—penyedutan ( $\text{SiO}_2$ ) silika yang mengandungi debu;
- (b) Stanosis—penyedutan debu timah atau wasap;
- (c) Sidersosis atau sidero-silikosis penyedutan debu mengandungi besi dan silika, hematit;
- (d) Asbestosis—penyedutan debu atau serat asbestos;
- (e) Keadaan alergi pernafasan bagi asma atau bronkitis kronik, atau byssinosis akibat daripada penyedutan debu yang berasal daripada tumbuhan seperti kapas, kayu, fleks, jut, sekam padi, gabus, rempah, jerami, sisal, tembakau, teh, tepung dan yang sama dengannya dan debu galian seperti simen, tembaga, zink atau debu binatang seperti tulang atau bulu;
- (f) Penyakit pneumokonioses atau fibrotik lain bagi paru-paru akibat daripada penyedutan aluminium atau talkum, atau arang batu.

2. Kemabukan sistematik oleh mana-mana logam yang berikut atau sebatiananya, plumbum, raksa, mangan, fosforus, antimoni, kromium, nikel, berilium.

3. Kemabukan akibat daripada penggunaan pelarut seperti benzin dan hidrokarbon aromatik lain, karbon disulfida, hidrokarbon berklorin, dan petroleum dan terbitannya.

4. Gangguan pulmonari akibat daripada penyedutan nitrogen oksida, sulfur oksida, klorin, fosgen, ammonia, dsb.

5. Kemabukan akibat daripada pengendalian racun serangga, atau racun herba, atau racun kulat sebagai sebatian fosfat organik, sebatian bernitrogen dan berklorin.
  6. Keadaan pada dermatosis pekerjaan akibat daripada pengendalian minyak mineral, asid, alkali, habuk dan perengsa lain.
  7. Jangkitan pekerjaan seperti antraks, kelenjar, dan leptospirosis, tuberkulosis, kusta (jika pendedahan kerana pekerjaan kepada tuberkulosis dan kusta nyata).
  8. Penyakit malignan akibat daripada pengendalian atau penyedutan atau persentuhan dengan tar karsinogenik, atau debu radioaktif.
  9. Keadaan mata akibat daripada trauma fizikal seperti katarak haba, katarak pancaran dan daripada perengsa.
  10. Jaundis toksik akibat daripada terbitan nitro atau amino daripada benzin atau bahan lain.
  11. Bursitis subkutaneus atau akut pada lutut atau tangan atau pergelangan tangan akibat daripada kerja kasar menyebabkan geseran atau tekanan yang kuat atau perpanjangan.
  12. Keadaan akibat daripada pendedahan haba yang kuat seperti kekejangan haba atau strok haba.
  13. Kehilangan pendengaran disebabkan oleh pendedahan berlebihan kepada kebisingan industri yang tahap tekanan bunyinya tinggi.
  14. Keadaan akibat daripada pendedahan kepada pancaran pengionan dan tak pengionan.
  15. Penyakit dekompresi (penyakit kaison) dan penyakit akibat daripada bekerja bawah air.
-

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 139****AKTA KILANG DAN JENTERA 1967****SENARAI PINDAAN**

| Undang-undang<br>yang meminda | Tajuk ringkas                             | Berkuat kuasa<br>dari |
|-------------------------------|-------------------------------------------|-----------------------|
| Akta A199                     | Akta Kilang dan Jentera (Pindaan)<br>1973 | 01-08-1973            |
| Akta 160                      | Akta Matawang Malaysia (Ringgit)<br>1975  | 29-08-1975            |
| Akta A424                     | Akta Kilang dan Jentera (Pindaan)<br>1978 | 24-03-1978            |
| Akta A1268                    | Akta Kilang dan Jentera (Pindaan)<br>2006 | 01-01-2007            |

---

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 139

### AKTA KILANG DAN JENTERA 1967

#### SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

| Seksyen         | Kuasa meminda           | Berkuat kuasa dari       |
|-----------------|-------------------------|--------------------------|
| 1               | Akta A424               | 24-02-1978               |
| 2               | Akta A424<br>A1268      | 24-02-1978<br>01-01-2007 |
| 3               | Akta A424<br>Akta A1268 | 24-02-1978<br>01-01-2007 |
| 5               | Akta A1268              | 01-01-2007               |
| 6               | Akta A1268              | 01-01-2007               |
| 7 <sub>A</sub>  | Akta A1268              | 01-01-2007               |
| 7 <sub>B</sub>  | Akta A1268              | 01-01-2007               |
| 7 <sub>C</sub>  | Akta A1268              | 01-01-2007               |
| 7 <sub>D</sub>  | Akta A1268              | 01-01-2007               |
| 7 <sub>E</sub>  | Akta A1268              | 01-01-2007               |
| 7 <sub>F</sub>  | Akta A1268              | 01-01-2007               |
| 8               | Akta 160<br>Akta A1268  | 29-08-1975<br>01-01-2007 |
| 9               | Akta 160<br>Akta A1268  | 29-08-1975<br>01-01-2007 |
| 19              | Akta A1268              | 01-01-2007               |
| 19 <sub>A</sub> | Akta A1268              | 01-01-2007               |
| 22              | Akta A424               | 24-02-1978               |

| Seksyen       | Kuasa meminda                       | Berkuat kuasa dari                     |
|---------------|-------------------------------------|----------------------------------------|
|               | Akta A1268                          | 01-01-2007                             |
| 29A           | Akta A1268                          | 01-01-2007                             |
| 31            | Akta A1268                          | 01-01-2007                             |
| 32            | Akta A424<br>Akta A1268             | 24-02-1978<br>01-01-2007               |
| 33            | Akta A1268                          | 01-01-2007                             |
| 36            | Akta A1268                          | 01-01-2007                             |
| 37            | Akta A1268                          | 01-01-2007                             |
| 38            | Akta A1268                          | 01-01-2007                             |
| 40            | Akta A1268                          | 01-01-2007                             |
| 41            | Akta A1268                          | 01-01-2007                             |
| 44            | Akta A1268                          | 01-01-2007                             |
| 47A           | Akta A1268                          | 01-01-2007                             |
| 48            | Akta A1268                          | 01-01-2007                             |
| 51            | Akta 160<br>Akta A1268              | 29-08-1975<br>01-01-2007               |
| 51A           | Akta A1268                          | 01-01-2007                             |
| 52            | Akta A1268                          | 01-01-2007                             |
| 52A           | Akta A199<br>Akta 160<br>Akta A1268 | 01-08-1978<br>29-08-1975<br>01-01-2007 |
| 55            | Akta A424<br>Akta A1268             | 24-02-1978<br>01-01-2007               |
| 56            | Akta A424<br>Akta A1268             | 24-02-1978<br>01-01-2007               |
| Jadual Ketiga | Akta A1268                          | 01-01-2007                             |

---